



LAPORAN TAHUNAN
UNIVERSITI MALAYA | 2015

LAPORAN TAHUNAN UNIVERSITI MALAYA | 2015



RASIONAL KULIT BUKU

Reka bentuk kulit buku Laporan Tahunan 2015 Universiti Malaya: Bangunan Canseleri baharu yang tersergam indah di tengah kampus menjadi lambang kemegahan institusi pengajian tinggi terulung tanah air. Bangunan ini siap dibina pada Mei 2011. Prasarana yang dinamik seiring kelestarian landskap persekitaran melahirkan sebuah kampus yang kondusif dalam memperkukuhkan kedudukan Universiti Malaya sebagai Universiti Penyelidikan yang menyediakan hab akademik di peringkat nasional mahupun antarabangsa.

Kandungan

Visi Dan Misi	iv	HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI	
Piagam Pelanggan	iv	Laporan Timbalan Naib Canselor	62
Matlamat Pendidikan	iv	(Hal Ehwal Pelajar & Alumni)	
Nilai-Nilai Teras	iv	Kemudahan Pelajar	63
Polisi Kualiti	iv	Bantuan Kewangan Pelajar	66
Canselor	05	Aktiviti Badan-badan Pelajar	67
Pro-Canselor	06	Pembangunan Pelajar	68
Lembaga Pengarah Universiti	07	Alumni	78
Pengurusan Universiti	08	Klinik Kesihatan Pelajar	79
Penolong-Penolong Naib Canselor	09	PEMBANGUNAN	
Pegawai Utama Akademik	09	Laporan Timbalan Naib Canselor	82
Pegawai Utama Bukan Akademik	10	(Pembangunan)	
Selayang Pandang	11	Jabatan Pembangunan dan	83
NAIB CANSELOR		Penyelenggaraan Harta Benda	
Laporan Naib Canselor	14	(JPPHB)	
Penunjuk Kecekapan dan	21	Pusat Teknologi Maklumat (PTM)	90
Keberkesanan		PUSTAKAWAN	
Laporan Sistem Pengurusan Kualiti	22	Laporan Ketua Pustakawan	94
dan Jaminan Kualiti Akademik		Perpustakaan Universiti Malaya	95
Pusat Peningkatan Institusi	23	Muzium Seni Asia	98
Jabatan Penerbitan	24	Galeri Seni Universiti Malaya	99
PENDAFTAR		LAMPIRAN	101
Laporan Pendaftar	26	Pencapaian Warga Universiti	102
Pembangunan Sumber Manusia	28	Jumlah Penyertaan dalam Ekspo / Jualan	106
Bahagian Latihan dan Pembangunan	30	dan Pelancaran Buku	
Staf (STanD)		Jumlah Anugerah yang diterima	106
Pembangunan Akademik	31	Sepanjang Tahun 2015	
AKADEMIK & ANTARABANGSA		Jumlah Penerbitan Buku	106
Laporan Timbalan Naib Canselor	34	Memorandum Persefahaman & Perjanjian	108
(Akademik & Antarabangsa)		KEWANGAN	137
Hubungan Luar	35	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai	
Memorandum Persefahaman dan	38	Penyata Kewangan Universiti Malaya bagi	
Perjanjian		Tahun Berakhir 31 Disember 2015	
Pusat Pelajar Antarabangsa	38		
PENYELIDIKAN & INOVASI			
Laporan Timbalan Naib Canselor	42		
(Penyelidikan & Inovasi)			
Penyelidikan dan Pembangunan	43		
Pencapaian dalam Penyelidikan	53		
Penyelidikan Berimpak Tinggi	58		
Inovasi dan Pengkomersilan	58		
Komuniti dan Kelestarian	60		

Visi

Untuk Menjadi Sebuah Institusi Pengajian Tinggi yang Ternama di Peringkat Antarabangsa dalam Penyelidikan, Inovasi, Penerbitan dan Pengajaran.

Misi

Untuk Memajukan Ilmu Pengetahuan dan Pembelajaran Melalui Penyelidikan dan Pendidikan Berkualiti Untuk Negara dan Kemanusiaan.

Nilai-Nilai Teras

- Integriti
- Hormat
- Kebebasan Akademik
- Berfikiran Terbuka
- Kebertanggungjawaban
- Profesionalisme
- Meritokrasi
- Semangat Kerja Berpasukan
- Kreativiti
- Tanggungjawab Sosial

Polisi Kualiti

Universiti Malaya beriltizam untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran, menjalankan penyelidikan dan perkhidmatan yang berkualiti, menjana ilmu pengetahuan dan meningkatkan keilmuan melalui usaha penambahbaikan berterusan untuk manfaat semua pelanggan, khususnya pelajar Universiti Malaya.

Piagam Pelanggan

Kami komited untuk:

- Menghasilkan graduan berkualiti melalui pengalaman pembelajaran yang transformatif dan kondusif.
- Menerajui pengetahuan termaju melalui kerja-kerja penyelidikan dan perundingan.
- Menyediakan sumber terancang untuk memperkayakan pengalaman pembelajaran dan penyelidikan.
- Memupuk dan mengurus bakat untuk keperluan negara.
- Terlibat secara aktif dalam usaha-usaha pembangunan negara dan masyarakat setempat.
- Menyediakan penyelesaian dan kapasiti pengetahuan kepada pihak industri dan organisasi.
- Mengantarabangsakan universiti untuk menjadi sebuah universiti bertaraf dunia.

Matlamat Pendidikan

Siswazah Universiti Malaya akan berkeupayaan untuk:

- Menunjukkan bahawa mereka berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang pengajian mereka, penyelidikan dan amalan profesional serta proses pemikiran kritis, pemikiran kreatif dan penyelesaian masalah.
- Menggunakan kaedah yang berkesan termasuk teknologi semasa untuk mengurus maklumat, untuk mencapai kepelbagaian matlamat profesional selaras dengan piawaian profesional serta membuat keputusan berdasarkan maklumat dan hasil penyelidikan.
- Melibatkan diri dalam pembangunan sendiri dan pembangunan profesional secara berterusan, menyokong pembangunan profesional orang lain dan menunjukkan sikap kepimpinan dan profesional yang positif serta berbudi pekerti bagi amalan yang berkesan.
- Berkomunikasi secara berkesan dengan ahli profesional yang lain, masyarakat dan mempamerkan wawasan jelas terhadap tanggungjawab sosial.
- Menghayati dan sentiasa berpandukan nilai-nilai teras Universiti Malaya iaitu integriti, hormat, kebebasan akademik, berfikiran terbuka, kebertanggungjawaban, profesionalisme, meritokrasi, semangat kerja berpasukan, kreativiti dan tanggungjawab sosial.



Canselor

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak
Darul Ridzuan
Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum
Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah

Pro-Canselor



Yang Amat Berbahagia Toh
Puan Dato' Seri Hajjah Dr.
Aishah Ong



Yang Berbahagia Tan Sri Dato'
Seri Siti Norma Binti Yaakob



Yang Berbahagia Tan Sri Dato'
Seri Diraja Ramli Ngah Talib

Lembaga Pengarah Universiti



PENGERUSI

YBhg. Tan Sri Dato'
Seri Utama Arshad bin
Ayub



NAIB CANCELOR

YBhg. Profesor Dato' Dr.
Mohd Amin bin Jalaludin

DUA ORANG PEGAWAI DARIPADA PERKHIDMATAN AWAM



YBhg. Dato' Wan Khazanah binti
Ismail
Timbalan Ketua Setiausaha
(Pengurusan)
Kementerian Pendidikan
Malaysia
(Tempoh pelantikan berakhir
pada 30 November 2015)




Encik Wan Mansor bin
Wan Hitam
Ketua Penolong Pengarah
Belanjawan
Pejabat Perbendaharaan
Malaysia
Kementerian Kewangan
Malaysia



SEORANG YANG MEWAKILI MASYARAKAT DI TEMPAT TERLETAKNYA UNIVERSITI ITU

YBhg. Dato' Seri Ir. Mohamad Othman
bin Zainal Azim



SEORANG PROFESOR UNIVERSITI YANG DIPILIH OLEH SENAT DARIPADA KALANGAN AHLI YANG DISEBUT DALAM PERENGGAN 17(D)

YBhg. Profesor Datin Dr. Zahurin binti Mohamed
(Tempoh pelantikan berakhir pada 15 Disember 2015)

LIMA ORANG YANG TERDIRI DARIPADA TIGA ORANG DARIPADA SEKTOR SWASTA, SEORANG DARIPADA ALUMNI UNIVERSITI DAN SEORANG LAGI DARI DALAM ATAU LUAR UNIVERSITI YANG PADA PENDAPAT MENTERI, MEMPUNYAI PENGETAHUAN DAN PENGALAMAN YANG BOLEH MEMBANTU LEMBAGA



Ar. Saifuddin bin Ahmad



YBhg. Profesor
Emeritus Dato' Dr.
Lian Chin Boon



YBhg. Profesor Dato'
Dr. R. Thillainathan



YBhg. Datuk Seri
Panglima Mohd.
Annuar bin Zaini



YBhg. Tan Sri Lim
Wee Chai



SETIAUSAHA

Encik Yusoff bin
Musa

Pengurusan Universiti



NAIB CANSELOR
YBhg. Profesor Dato' Dr.
Mohd Amin Jalaludin



TIMBALAN NAIB
CANSELOR
(AKADEMIK &
ANTARABANGSA)
Profesor Dr. Awang
Bulgiba Awang Mahmud



TIMBALAN NAIB
CANSELOR
(PENYELIDIKAN &
INOVASI)
Profesor Dr. Noorsaadah
Abd. Rahman



TIMBALAN NAIB
CANSELOR
(HAL EHWAL PELAJAR &
ALUMNI)
YBhg. Profesor Datuk Dr.
Rohana Yusof



TIMBALAN NAIB
CANSELOR
(PEMBANGUNAN)
Profesor Dr. Faisal Rafiq
Mahamd Adikan



PENDAFTAR
Encik Yusoff Musa



BENDAHARI
Puan Haliza Harun



KETUA
PUSTAKAWAN
Dr. Nor Edzan Haji
Che Nasir



PENGARAH,
PUSAT PERUBATAN
UNIVERSITI MALAYA
Profesor Dr. Tunku
Kamarul Zaman Tunku
Zainol Abidin

Penolong-Penolong Naib Canselor

PENOLONG NAIB CANSELOR (AKADEMIK)

Profesor Dr. Kamila Ghazali

PENOLONG NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN)

Profesor Dr. Shaliza Ibrahim

PENOLONG NAIB CANSELOR (JARINGAN MASYARAKAT)

Profesor Dr. Rofina Yasmin Othman

Pegawai Utama Akademik

PENGARAH AKADEMI

Profesor Dato' Dr. Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff

Akademi Pengajian Islam

Profesor Dr. Mohamad Mokhtar Abu Hassan

Akademi Pengajian Melayu

DEKAN FAKULTI / INSTITUT

Profesor Madya Dr. Yahaya Ahmad
Fakulti Alam Bina

Profesor Madya Dr. Stefanie Shamila Pillai
Fakulti Bahasa dan Linguistik

Profesor Dr. Noor Azina Ismail
Fakulti Ekonomi & Pentadbiran

Profesor Ir. Dr. Noor Azuan Abu Osman
Fakulti Kejuruteraan

Profesor Madya Dr. Mariani Md Nor
Fakulti Pendidikan

YBhg. Profesor Dato' Dr. Zainal Ariff Abdul Rahman
Fakulti Pergigian

Profesor Dr. Che Ruhana Isa
Fakulti Perniagaan dan Perakaunan

Profesor Dr. Adeeba Kamarulzaman
Fakulti Perubatan

Profesor Dr. Zanariah Abdullah
Fakulti Sains

Profesor Dr. Abdullah Gani
Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat

Profesor Dr. Md. Sidin Ahmad Ishak
Fakulti Sastera & Sains Sosial

Profesor Madya Dr. Johan Samsuddin Sabaruddin
Fakulti Undang-Undang

Profesor Dr. Fauza Abdul Ghaffar
Institut Pengajian Siswazah

PENGARAH PUSAT

Profesor Madya Dr. Mohd. Nasir Hashim
Pusat Kebudayaan

Profesor Dr. Zulqarnain Mohamed
Pusat Sukan

Profesor Madya Dr. Kamaluddin A. Rashid
Pusat Asasi Sains

Profesor Dato' Dr. Mansor Md. Isa
Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya

PENGARAH INSTITUT

Profesor Dr. Alma Harris
Institut Kepimpinan Pendidikan

Profesor Dr. Shaliza Ibrahim (Pemangku)
Institut Pengurusan & Pemantauan Penyelidikan

Profesor Dr. Azirah Hashim
Institut Asia-Eropah

Profesor Madya Dr. Khadijah Md. Khalid
Institut Antarabangsa Polisi Awam & Pengurusan

Pegawai Utama Bukan Akademik

PENGARAH

Profesor Dr. Kamila Ghazali
Pejabat Hubungan Antarabangsa & Korporat (ICR)

Supt. Fauzilan Abdul Aziz
Pejabat Keselamatan

Puan Zarina Zainol Abidin
Pusat Pelajar Antarabangsa (ISC)

Profesor Dr. Suzeini Abd. Halim
Pusat Pengurusan & Penambahbaikan Kualiti (QMEC)

Profesor Dr. Rofina Yasmin Othman
Pusat Inovasi & Pengkomersilan Universiti Malaya (UMCIC)

Dr. David Asirvatham
Pusat Teknologi Maklumat (PTM)

Profesor Dr. Danny Wong Tze Ken
Pusat Perancangan & Strategi Global (PPSG)

Encik Adam Wong Abdullah
Jabatan Penerbitan (UMPress)

YBhg. Dato' Dr. Zaiton Osman
Pusat Peningkatan Institusi (IAC)

YBhg. Profesor Dato' Dr. Azarae Haji Idris (Malaysia)
Encik Chen Zhong (China)
Institut Kong Zi

Ir. Hashbullishman Hashim (Pemangku)
Jabatan Pembangunan & Penyelenggaraan Harta Benda (JPPHB)

Dr. Aishah Abu Bakar
Pusat Pembangunan Akademik (ADeC)

Profesor Dr. Mohd. Ali Hashim
Penyelidikan Berimpak Tinggi (HIR)

Profesor Dr. Noorzulaani Khalid
Pusat Komuniti & Kelestarian (UMCares)

Profesor Dr. Suhaiza Hanim Dato' Mohamad Zailanai
Pusat Keusahawanan Universiti Malaya (UMEC)

KETUA

Puan Salwati Mohd. Aris (Pemangku)
Unit Perundangan

Encik Jalani Hassan
Seksyen Audit Dalaman & Integriti

Profesor Madya Dr. Siti Nurani Mohd. Noor
Pusat Pencetus Bakat & Latihan Industri (CITra)

Puan Siti Salwa Md. Padzil
Bahagian Pentadbiran Pendaftar

Puan Rosmawati Mohd. Ali
Bahagian Latihan & Pembangunan Staf (STanD)

Profesor Madya Dr. Zurainee Mohamed Nor
Student Empowerment and Research Unit (SERU)

TIMBALAN PENDAFTAR KANAN

Encik Mahamad Apandi Khalib
Bahagian Sumber Manusia

TIMBALAN PENDAFTAR

Puan Nor Zaherah Mohd. Yusof
Bahagian Akademik

Encik Yusof Harun
Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Encik Puniamurthy Krishnasamy
Pejabat Keselamatan & Kesihatan (OSH)

KURATOR

Puan Hazlin Anita Zainal Abidin
Galeri Universiti Malaya (UMAG)

Puan Zahirah Noor Zainol Abidin
Muzium Seni Asia

SELAYANG PANDANG

Universiti Malaya (UM) merupakan universiti pertama yang ditubuhkan di Persekutuan Tanah Melayu (Malaya) pada 8 Oktober 1949 dari gabungan dua institusi iaitu *King Edward VII College of Medicine* (1905) dan *Raffles College* (1928).



Bangunan Canseleri

Penubuhannya menjadi pemacu kepada kemajuan pendidikan di Tanah Melayu pada ketika itu sehingga tertubuhnya dua cawangan autonomi yang terletak di Singapura dan Kuala Lumpur pada tahun 1956. Dalam usaha memperkukuhkan pendidikan tinggi di kedua-dua negeri, status universiti cawangan perlu dinaik taraf kepada universiti kebangsaan. Oleh itu, Akta Parlimen 1961 telah diluluskan dan secara langsung mengiktiraf serta mengangkat martabat UM di Kuala Lumpur dari status cawangan kepada universiti kebangsaan.

UM secara rasminya bertapak kukuh sebagai universiti kebangsaan untuk Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Januari 1962. Matlamat awal dalam menyediakan pendidikan tinggi kepada penduduk Tanah Melayu telah berjaya melahirkan pemimpin dan intelektual dalam pelbagai bidang. Ketika Malaysia melalui pelbagai proses transformasi dalam dunia pendidikan, UM terus melipat gandakan usahanya bagi menjayakan visi untuk menjadi sebuah institusi pengajian tinggi yang ternama di peringkat antarabangsa dalam penyelidikan, inovasi, penerbitan dan pengajaran.

Bagi menjayakan wawasan murni ini, UM disokong oleh hospital penyelidikan terbesar dan pertama di Malaysia iaitu Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), 2 akademi, 12 fakulti, 4 institut dan 3 pusat akademik yang bersifat menyeluruh merangkumi bidang perubatan, sains, teknologi serta sains sosial dan sains kemasyarakatan. Dalam usaha menyumbang kepada perkembangan ilmu UM telah mewujudkan enam Kluster Penyelidikan. Penubuhan kluster ini menawarkan penyelesaian dan penemuan terbaru dalam pelbagai bidang. Penekanan terhadap bidang penyelidikan diperkukuhkan dengan tertubuhnya pusat kecemerlangan di pelbagai pusat pengajian. Pengajaran, penyelidikan, penerbitan, inovasi dan komersialisasi menjadi tunjang usaha UM menyumbang kepada dunia akademik dan masyarakat.

Bersandarkan kepada slogan “Peneraju dalam penyelidikan dan inovasi”, UM telah berjaya melahirkan lebih daripada 182,000 modal insan di negara ini. Pada 26 Januari 2012, UM telah diberikan status autonomi oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

Dengan menjadikan aspirasi nasional sebagai pegangan, UM terus memperkukuhkan

kedudukannya dalam dunia akademik. UM berada pada kedudukan ke-146 di dunia bagi *QS World University Ranking 2015/16* dan di tangga ke-29 bagi *QS Asian University Rankings 2015*. UM juga kekal sebagai satu-satunya universiti di Malaysia yang tersenarai dalam kalangan 400 universiti terbaik dunia (*Academic Ranking of World Universities*) oleh Shanghai Jiao Tong, China. Pencapaian ini menobatkan UM sebagai universiti terbaik di Malaysia. Selain itu, UM dianugerahkan *Six-star rating* dalam *Malaysian University Research Assesment (MyRA)* bagi tahun 2014 hingga 2015. UM juga telah diiktiraf sebagai universiti pilihan oleh *Reader's Digest Trusted Brand* selama 7 tahun berturut-turut sejak tahun 2007 hingga 2013. Dengan rekod tersebut, UM telah dianugerahkan Anugerah Platinum dalam Kategori "Universiti Awam" pada 27 Mei 2014.

Sebagai salah sebuah Universiti Penyelidikan, Geran *High Impact Research (HIR)* telah diwujudkan pada Februari 2010 yang mensasarkan jumlah penerbitan Jurnal ISI/WoS Tier 1. Pada peringkat awal penubuhannya, sejumlah RM10 juta dana dalaman telah diperuntukkan bagi menggalakkan lebih banyak penghasilan penerbitan berimpak tinggi. Menyedari kepentingan UM sebagai institusi penyelidikan terkemuka negara, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah meluluskan peruntukan berjumlah RM590 juta kepada Program UM-MOHE HIR bagi tempoh 5 tahun bermula Ogos 2011 sehingga 2015.

Ahli Jawatankuasa HIR telah dibentuk bagi memastikan pelaksanaan HIR mencapai sasarannya pada tahun 2015 dan dibantu oleh beberapa saintis ulung yang dilantik bagi menganggotai Majlis Penasihat HIR. Ahli-ahli Majlis akan menasihati universiti dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang keutamaan penyelidikan berimpak tinggi termasuk menjalankan penyelidikan bersama antara UM dan institusi mereka sendiri.

Sehingga kini, UM telah melantik tiga Felo Nobel dan dua Profesor Ulung sebagai ahli Majlis Penasihat HIR. Mereka ialah Felo Nobel Profesor Barry Marshall (Pemenang Hadiah Nobel dalam bidang Perubatan Psikologi),

Felo Nobel Profesor Ryoji Noyori (Pemenang Hadiah Nobel dalam bidang Kimia), Felo Nobel Profesor David Baltimore (Pemenang Hadiah Nobel dalam bidang Perubatan Psikologi), Profesor Ulung Rita Colwell (University of Maryland, USA) dan Profesor Ulung Wong Chi-Huey (Academia Sinica, Taiwan).

Bagi memastikan kurikulum yang disediakan menepati kehendak serta keperluan nasional dan antarabangsa, UM telah berjaya memperolehi akreditasi daripada pelbagai institusi dan badan profesional antarabangsa. Antaranya Washington Accord, Institution of Chemical Engineers UK, Royal Institution of Chartered Surveyors (RICS), Association of Building Engineers, Royal Institute of British Architects (RIBA), The Association of Chartered Certified Accountants, The Chartered Institute of Management Accountants, Institute of Chartered Accountants England and Wales, Certified Practicing Accountants of Australia, SMBG-Eduniversal France, Royal College of Surgeons of England UK, Institute of Physics & Engineering in Medicine UK, Association of MBA, UK dan banyak lagi. Di atas kejayaan Universiti Malaya dalam pengurusan penyelidikan, proses audit Malaysian Research Assessment Instrument II (MyRA II), Kementerian Pendidikan ke atas Universiti Penyelidikan telah meletakkan UM sebagai 'the Best Research University in Malaysia with the Highest Marks' pada 1 Disember 2013. Satu lagi pengiktirafan UM di peringkat antarabangsa terbukti apabila telah menjadi satu-satunya institusi pengajian tinggi di negara ini yang mendapat penarafan 5 bintang oleh QS Stars Ratings pada 8 Mei 2014.

Sebagai universiti ulung di negara ini, UM berikrar untuk menerajui bidang penyelidikan dan inovasi dan mencapai kedudukan di antara 50 universiti terbaik dunia menjelang 2020.



NAIB CANSELOR

- Laporan Naib Canselor
- Penunjuk Kecekapan dan Keberkesanan
- Laporan Sistem Pengurusan Kualiti dan Jaminan Kualiti Akademik
- Penjanaan Dana
- Jabatan Penerbitan

LAPORAN NAIB CANSOLOR



Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr. Mohd Amin Jalaludin

Tahun 2015 telahpun berlalu dengan pelbagai catatan peristiwa. Saya yakin warga Universiti Malaya (UM) semua telah bersedia untuk melaksanakan tanggungjawab dan cabaran tahun 2016. Mengimbas kembali catatan perjalanan dan pencapaian UM pada tahun 2015. Saya ingin menzahirkan penghargaan dan terima kasih saya kepada Lembaga Pengarah Universiti, Ahli Pengurusan Universiti dan seluruh warga UM termasuk pelajar di atas sokongan dan sumbangan yang telah dicurahkan untuk universiti yang kita kasihi ini. Saya berharap kejayaan yang dicapai menjadi motivasi untuk kita menghadapi cabaran di tahun 2016 bagi mencipta lebih banyak kejayaan.

Memperkasa Teras Utama

Pada tahun 2015, usaha memperkukuhkan institusi terus dilaksanakan khususnya bagi memperkasa teras utama Universiti iaitu pengantarabangsaan, penyelidikan dan inovasi, jaringan industri dan masyarakat dan pembangunan pelajar. Oleh yang demikian, Lembaga Pengarah Universiti telah meluluskan untuk mewujudkan jawatan baharu di UM iaitu Penolong Naib Canselor (PNC). Tiga orang PNC telah dilantik bagi portfolio Pengantarabangsaan di bawah TNC (Akademik & Antarabangsa), portfolio Penyelidikan dan Inovasi serta portfolio Jaringan Industri dan Masyarakat di bawah TNC (Penyelidikan dan Inovasi).

Penstrukturan semula tadbir urus beberapa entiti juga telah dilaksanakan antaranya

memindahkan *High Impact Research* (HIR) ke bawah pentadbiran TNC (P & I) dan penjenamaan semula *Section for Co-Curricular Courses, External Faculty Electives and TITAS* (SKET) yang sebelum ini di bawah TNC (HEPA) sebagai CITra atau *Centre for the Initiation of Talent and Industrial Training* dan diletakkan di bawah tadbir urus TNC (A & A). Di bawah nama baru ini, CITra akan menjalankan peranan SKET dan menguruskan semua hal berkaitan dengan latihan industri.

Selain daripada itu, Unit Pemasaran Program Akademik (UPPA) yang dulunya di bawah Jabatan Pendaftar telah diletakkan di bawah TNC (A & A) dan dijenamakan semula sebagai Pusat Pemasaran dan Pengambilan atau Marketing and Recruitment Centre (MRC). Dengan penjenamaan ini, kita mengharapkan

agar hasrat UM untuk menjadi Universiti pilihan dalam kalangan pelajar di dalam dan luar negara dapat dicapai melalui pelbagai program yang telah disusun di bawah pusat ini.

Bagi memastikan laluan kerjaya staf akademik terus memberi manfaat bukan sahaja kepada staf tetapi yang lebih penting kepada Universiti, *Standard Academic Performance Target* (SAPT) telah disemak semula dan ditambah baik berdasarkan 3 bidang disiplin utama iaitu Sains, Sains Sosial dan Klinikal. Proses semakan semula SAPT sejak setahun yang lalu, mengambil kira pandangan semua pihak dalam penyediaan dokumen termasuk mengadakan bengkel, soal selidik dan sesi *town hall* yang melibatkan staf akademik dan pemimpin kesatuan. SAPT yang disemak semula akan mempunyai 3 trek akademik bagi setiap disiplin iaitu *Trek Standard*, atau *Trek Klinikal* bagi Fakulti Perubatan dan Pergigian, *Trek Penyelidikan* dan *Trek Pengajaran*. Semakan semula SAPT ini telah diluluskan oleh JK Pengurusan dan akan dibawa ke LPU untuk pemakluman sebelum dilaksanakan pada tahun 2016.

Penarafan Dunia

Dengan komitmen yang berterusan dalam penarafan dunia, Alhamdulillah pada tahun 2015 UM berjaya memecah tembok *Top 150 universities in the world* melalui *QS World University Ranking*, apabila berada di kedudukan **146**, iaitu naik 5 anak tangga daripada tahun sebelumnya. UM juga mendahului rakan-rakan Universiti lain di Malaysia dalam skor bagi semua kriteria *QS World University Rankings*. Dalam system penarafan yang sama juga UM disenaraikan di tempat **54 teratas dunia untuk bidang Kejuruteraan & Teknologi, 69 untuk Sains Sosial & Pengurusan, dan 127 untuk Seni & Kemanusiaan**. Berdasarkan subjek pula secara keseluruhannya kedudukan kita telah bertambah baik pada tahun 2015 berbanding pencapaian tahun 2014 dan buat kali pertama *Development Studies* tersenarai di **kedudukan ke-32 dunia**.

Jaringan Kerjasama dalam Penyelidikan

UM juga telah menjadi peneraju dalam mewujudkan jaringan kerjasama antara syarikat terbitan Universiti dari kalangan Universiti Malaysia dan rantau ASEAN melalui U-START Malaysia dan U-START ASEAN. Program jaringan kerjasama sebegini adalah julung kalinya diadakan di negara ini yang menyaksikan 60 syarikat terbitan universiti dari universiti terbaik di negara ASEAN membentuk rangkaian dan bersama melakar strategi untuk meningkatkan pengeluaran dan hasil penyelidikan melalui strategi keusahawanan serantau. Universiti berkenaan termasuklah *National University of Singapore* (NUS), Universiti Brunei Darussalam, *Chulalongkorn University* dan Universitas Indonesia. Tidak ketinggalan juga universiti tempatan seperti UM, UKM, UTM, USM dan UPM.

Warga UM sahaja sebaliknya kita perlu melihat realiti kehidupan yang meluas. Usaha UM mendampingi masyarakat adalah selaras dengan hasrat untuk menjadikan penyelidikan di Universiti sebagai wadah bagi membangun dan memberi penyelesaian isu setempat demi kelestarian negara dan bangsa. Beberapa hasil penyelidikan yang telah mengangkat martabat para sarjana UM di mata umum adalah *PROGRAM PARTNER* ataupun *Participatory Action Research through Negotiation & Empowerment of the Resident* di bawah *Centre for Population Health (CPEH)*. Tumpuan utama penyelidik UM bagi projek ini adalah komuniti di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kerinci, Seri Pantai, Pantai Ria dan Seri Cempaka. Ia melibatkan soal selidik dan program intervensi bagi meningkatkan tahap kesihatan umum penduduk.

Satu lagi kejayaan penyelidikan yang impaknya sangat besar kepada masyarakat adalah kajian sekumpulan penyelidik kanser kanak-kanak yang dijalankan di bawah *UM Cancer Research Institute* (UMCRI) yang dikenali sebagai MASPORE ALL 2003. Hasil kajian ini telah berjaya meningkatkan kadar *survival* pesakit leukemia dalam kalangan kanak-kanak daripada 56% ke 81% melalui rawatan yang inovatif. Projek yang bernilai

RM1.5 juta ini telah mendapat tajaan secara berperingkat dari pelbagai badan korporat dan swasta termasuk TESCO.

Isu Cabaran Kewangan

Dalam cabaran kekangan kewangan yang dihadapi kini, kita tidak boleh meletakkan kebergantungan kepada sumber dalaman dan pihak kerajaan semata-mata bagi melaksanakan pelbagai agenda. Usaha perlu dipergiatkan bagi membawa masuk geran penyelidikan terutama dari industri yang dahagakan hasil produk untuk dikomersilkan. Perkongsian Sektor Awam dan Swasta atau Public and Private Partnership (PPP) adalah model yang diperkenalkan oleh kerajaan bagi memanfaatkan kepakaran di Universiti Awam untuk masyarakat dalam pelbagai bidang. Melalui perkongsian ini, pihak swasta menyuntik dana bagi membiayai peralatan penyelidikan manakala Universiti menyediakan pakar dalam bidang yang diperlukan.

Salah satu kejayaan UM di bawah inisiatif PPP adalah Centre Of Image Guided Minimal Invasive Therapy (CIGMIT). CIGMIT adalah Dewan Bedah yang dilengkapi dengan peralatan *CT Scan* dan *MRI* yang canggih dan berteknologi tinggi yang telah mula beroperasi pada Disember 2015. Teknologi ini telah mengurangkan jangka masa dan risiko pembedahan dengan penggunaan pengimbas *MRI* dan juga Dewan Bedah pada masa yang sama. Projek yang bernilai RM60 juta ini telah menerima tajaan daripada *Malin Fractional of Biogreen Sdn Bhd* sebanyak RM52 juta manakala kos selebihnya ditanggung oleh UM. Projek ini boleh dianggap sebagai serampang dua mata kerana selain daripada memberi perkhidmatan kepada masyarakat ia juga dapat menjana pendapatan kepada PPUM. Menjadi harapan UM agar lebih banyak filantropi yang akan tampil untuk menjayakan inisiatif seperti ini supaya lebih banyak manfaat dapat dikongsikan.

Penerbitan & Jurnal

Hasil penyelidikan yang diterjemah dalam bentuk jurnal berimpak tinggi sering dikaitkan

dengan keserjanaan sesebuah institusi pengajian tinggi. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Perpustakaan sehingga 31.12.2015 sebanyak 3,083 artikel telah diterbitkan dalam kertas indeks ISI manakala 3,291 artikel pula diterbitkan dalam indeks Scopus. Sejumlah 132 jumlah paten pula telah didaftarkan termasuk 4 paten di peringkat antarabangsa.

Dalam laporan bertajuk *ASEAN Research Landscape* yang diterbitkan oleh *Thompson Reuters*, dapatan menunjukkan bahawa lanskap penyelidikan di Malaysia telah tumbuh sebanyak 594% antara tahun 2005 hingga 2014. Peningkatan ini didorong oleh penarafan Universiti Penyelidikan di mana pencapaian Malaysia dalam penerbitan pada masa ini telah mendahului rakan ASEAN lain seperti Singapura dan Thailand. Apa yang lebih membanggakan adalah 25% daripada jumlah keseluruhan penerbitan oleh 20 Universiti Awam dihasilkan oleh Universiti Malaya. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada staf akademik UM yang menyumbang ke arah ini.

High Impact Research

Sejak inisiatif *High Impact Research* dimulakan di UM pada tahun 2011, UM telah berjaya menghasilkan 2,942 penerbitan dalam Tier 1. Tidak dinafikan pencapaian ini antaranya merupakan hasil kerjasama penyelidik Universiti dengan para ikon akademik yang dijemput datang daripada Universiti berprestij seluruh dunia termasuk empat orang Nobel Laureates yang kita lantik untuk berada dalam UM *HIR International Advisory Council*. Sehingga kini, seramai 185 ikon akademik telah dilantik sekaligus memperkasa jaringan dengan pihak kolaborator antarabangsa. Tidak mustahil jika satu hari nanti inisiatif HIR ini akan dapat melahirkan seorang *Nobel Laureates* untuk Malaysia.

Pencapaian dan Kejayaan

Dalam memperkatakan tentang pencapaian dan kejayaan Universiti Malaya, tidak dinafikan sumbangan pelajar merupakan komponen yang sangat penting. Tahun 2015 menyaksikan

pelbagai aktiviti pelajar di dalam negara dan antarabangsa. Salah satunya adalah Misi Sukarelawan UM-MASKUM yang berlangsung di Kemboja memberi tumpuan kepada beberapa perkampungan dengan melibatkan aktiviti pemeriksaan kesihatan, kelas Bahasa Inggeris dan kelas agama. Program sebegini mendedahkan pelajar kepada realiti semasa dan membolehkan mereka menghargai kehidupan.

Pada tahun lalu, UM telah memecah rekod *Malaysia Book of Records* apabila seramai 99 pelajar Kolej Kediaman Kedua yang terdiri dari pelajar tahun 1 dan tahun 2 telah berjaya menganjurkan Larian Berganti-ganti selama 252 jam yang bersamaan dengan 12 hari tanpa henti sempena dengan program FitUni@UM dan Hari Sukan Negara.

Pelajar UM bukan hanya hebat dalam negara, malahan melangkaui sempadan. Ini bagi memastikan pelajar yang dilahirkan oleh UM mempunyai ketrampilan yang holistik dan seimbang. Program mobiliti pelajar yang diuruskan oleh Pusat Pelajar Antarabangsa terus menunjukkan peningkatan di mana pada tahun 2015 seramai 2,138 pelajar berpeluang menjalani program pertukaran pelajar ke luar negara termasuklah latihan industri, penempatan elektif, persidangan, bengkel dan latihan. Seramai 63 orang pelajar juga telah menerima biasiswa dari pelbagai institusi dalam dan luar negara untuk program mobiliti ini antaranya Biasiswa *ASEAN University Network (AUN)*, *ASEAN International Mobility for Student (AIMS)*, *Temasik Foundation Scholarship*, *Global Korea Scholarship* dan *Japan Student Services Organisation Scholarship (JASSO)*.

Pelbagai pencapaian individu juga telah dilakar antaranya Saudara Firmansyah Shidiq Wardhana, daripada Fakulti Perniagaan dan Perakaunan contohnya telah dianugerahkan Pingat Emas bagi *The Harvard Business School Alumni Club of Malaysia*. Manakala Saudara Lee Chang Bong, pelajar Perakaunan telah dipilih sebagai PANEL bagi Persidangan *Harvard Project for Asian and International Relations (HPAIR)* di Harvard University, USA.

Seorang lagi pelajar iaitu Saudara Saiful Anwar Abdul Rani daripada Akademi

Pengajian Islam telah membanggakan Universiti apabila mendapat pingat emas dan anugerah *Best Speaker* dalam pertandingan *The 13th Business Case Competition Harvard Business Review di Kookmin University Korea*. Melalui Kejohanan Debat Bahasa Arab Universiti-Universiti Sedunia, Doha, Qatar 2015, Saudara Mohamad Azwan Bin Kamarudin daripada Fakulti Bahasa dan Linguistik telah dianugerahkan Pendebat Terbaik bagi kategori bukan penutur jati.

Universiti Malaya juga menerima sejumlah 2,049 orang pelajar *Inbound* daripada pelbagai negara antaranya Korea, China, Indonesia, Jepun, Thailand, United Kingdom, German, Sudan dan Taiwan. Pada Semester 1, Sesi 2015/2016 seramai 394 orang pelajar antarabangsa telah mendaftar bagi program Ijazah Pertama dan jumlah ini merupakan yang tertinggi setakat ini. Syabas kepada Dekan dan Pengarah yang telah berusaha keras meningkatkan jumlah pelajar antarabangsa ini.

Landskap Pendidikan Tinggi

Pada hari ini landskap pendidikan tinggi bukan sahaja dinamik tetapi juga agresif. UM beroperasi dalam persekitaran yang sangat kompetitif, sama ada di dalam dan di luar negara. Proses penjanaan ilmu berkembang terlalu pesat dari segi kelajuan, jumlah, dimensi dan kualiti. Universiti di seluruh dunia berlumba-lumba bergerak ke hadapan dan melabur sejumlah besar sumber mereka untuk memacu kecemerlangan. Dalam landskap sebegini, sebagai Universiti yang perlu terus cemerlang, UM mesti bertindakbalas tidak hanya kepada cabaran yang dihadapi, tetapi juga berupaya mengenalpasti trend masa hadapan dan hala tuju untuk merancang secara strategik, kekal relevan, berdaya saing dan cemerlang.

Kementerian Pendidikan Tinggi sentiasa komited dalam usaha-usaha memartabatkan pendidikan tinggi negara. Laungan "Soaring Upwards" menjadi kata keramat yang mampu menaikkan semangat semua warga pendidikan tinggi dalam mendokong usaha berkenaan. Sebagai Universiti perdana kita harus terus mendokong usaha Kementerian untuk memastikan pendidikan tinggi negara terus

berada di persada yang boleh dibanggakan dengan menjadikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia Tahun 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT) sebagai panduan.

Sepertimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi dalam amanatnya, pada tahun 2016 UM perlu lebih bersedia dalam mendepani cabaran pendidikan yang lebih fleksibel demi memastikan kelangsungan kecemerlangan Universiti. Oleh yang demikian, sangat penting untuk UM memastikan kurikulum yang disajikan kepada pelajar sentiasa relevan dengan keadaan semasa. Beberapa inisiatif yang sedang dirangka oleh agensi yang berkenaan antaranya membenarkan pengalaman kerja diberi pemindahan kredit yang tertentu melalui peluasan program *Accreditation of Prior Experimental Learning* (APEL). Oleh itu, saya mengingatkan para Dekan dan Pengarah untuk memastikan program mereka lebih fleksibel serta bersifat merentas disiplin ilmu. Transformasi Rekabentuk Kurikulum juga perlu ditekankan dengan memasukkan elemen kesukarelawanan bagi melahirkan pelajar yang mempunyai sifat penyayang dan prihatin bagi berhadapan dengan masyarakat. Dengan cara ini juga pelajar akan lebih berfikir luas dengan menghargai kepelbagaian ilmu dan akhirnya mampu menyelesaikan masalah secara holistik.

Pembelajaran melalui kaedah atas talian dan *Massive Open Online Courses* (MOOCs) merupakan satu platform yang perlu diperluas. Ini bagi membolehkan proses pembelajaran dan pengajaran tidak terhad dalam bilik kuliah semata-mata. Penggunaan peranti mudah alih serta e-book dalam pengajaran dan pembelajaran digalakkan oleh penyedia MOOC terkemuka. Trend baharu ini sangat penting supaya kita tidak ketinggalan dalam menyediakan pendidikan yang lebih bersifat fleksibel atau luas seperti mana yang dihasratkan oleh kerajaan. Saya percaya kaedah ini akan dapat menarik minat lebih ramai pelajar berpotensi terutama dari luar negara untuk memilih UM sebagai destinasi pengajian mereka.

Bagi memastikan penyelidikan kita setanding dan dapat bersaing di peringkat antarabangsa, UM sentiasa berusaha menjalin kerjasama dalam penyelidikan berimpak tinggi dengan institusi terkemuka luar negara. Ini juga adalah bagi mendokong Lonjakan 8 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia iaitu Keunggulan Global.

Di antara inisiatif kolaborasi yang sedang berjalan adalah *Harvard-UM Translational Medicine Program* iaitu *NanoMite Research Program on Health Nanobiotechnology: Using nano aerosol technology for early detection & treatment of smoking-related diseases*. Projek ini menyaksikan gabungan penyelidik hebat Universiti Malaya dan Universiti Harvard bagi mencari penyelesaian terbaik merawat kanser paru-paru yang disebabkan oleh tabiat merokok. Pihak Kementerian Pendidikan Tinggi telah bersetuju untuk menyuntik dana sebanyak RM2.5 juta bagi merealisasikan projek ini.

Selain daripada itu, melalui *Oral Cancer Research & Coordinating Center* (OCRCC), UM bersama pihak Kementerian Kesihatan Cambodia akan menjalin kerjasama bagi melatih pengamal pergigian negara tersebut mengenai pengesanan awal kanser mulut. Projek berkonsepkan *MyExpert* ini dilihat berpotensi besar untuk menarik minat pihak penyumbang dana khususnya *world bank* untuk membiayai dan terlibat dalam inisiatif latihan dan penyelidikan berkenaan terutama bagi negara kurang maju.

Sebagaimana saranan YB Menteri, penyelidikan kita perlu disejajarkan supaya berfokus kepada sektor keutamaan negara termasuklah *Bottom 40*, Perbankan Islam dan Penyakit Tropika. Kita juga harus memikirkan ruang penyelidikan baru yang dipacu-industri (*industry-driven*) dan dipacu-permintaan (*demand-driven*) supaya kita akan dapat membantu negara dalam permasalahan tertentu oleh sektor industri dan komuniti.

Usaha kita dalam pengantarabangsaan akan terus diperkasa supaya UM menyerlah di peringkat antarabangsa. Komponen pengantarabangsaan ini amat penting dalam kriteria penarafan di bawah *QS World University Ranking*. Inisiatif pengantarabangsaan ini tidak

hanya melalui aktiviti kolaborasi penyelidikan, tetapi yang lebih penting adalah elemen pelajar dan staf antarabangsa. Kita akan memastikan bilangan aktiviti pengantarabangsaan bagi tahun 2016 akan terus meningkat dari tahun sebelumnya.

Dari segi pengambilan staf antarabangsa pula, saya telah nyatakan kepada Dekan dan Pengarah untuk mempergiatkan usaha membawa masuk calon antarabangsa yang berkualiti dan berwibawa untuk menjadi sebahagian daripada warga UM. Kita amat beruntung kerana dalam melaksanakan inisiatif ini, UM telah diberi kelonggaran khas daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk menindikkan mana-mana pelantikan staf antarabangsa kepada jawatan hakiki pensyarah. Ini adalah bagi menyokong hasrat UM untuk terus berada dalam ranking terbaik dunia.

Pelajar Holistik

Peranan Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni menjadi semakin mencabar seiring dengan senario dalam pendidikan tinggi yang menuntut kita untuk mempersiapkan pelajar holistik dengan pelbagai kemahiran baharu bagi membolehkan mereka menjadi pemimpin generasi masa hadapan. Pelajar hari ini tidak hanya mempunyai kemahiran berfikir dengan kreatif dan analitikal, menyelesaikan masalah, menganalisa isu malahan perlu berani mengemukakan pandangan secara ilmiah. Semua ini memerlukan anjakan paradigma dalam proses pembelajaran dan pengajaran.

Atas sebab itulah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) meletakkan Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang sebagai Lonjakan Pertama. Melalui *UM Entrepreneurship Centre (UMEC)*, pelbagai program atau projek telah dirancang antaranya *UM Agrotechnopreneur Incubator* yang mana kita ingin melahirkan ramai usahawan tani yang menjana pendapatan melalui industri pertanian dan dapat membantu dalam menstabilkan ekonomi negara. Selain daripada itu, pewujudan semula Koperasi Siswa dan Alumni UM atau KOSISWA diharap dapat

mendedahkan mahasiswa kepada konsep koperasi dalam aktiviti ekonomi.

Universiti Malaya sentiasa mengambil berat tentang isu-isu berkaitan kebajikan pelajar. Bantuan disalurkan kepada pelajar yang memerlukan daripada sumber Tabung Zakat, Tabung Kebajikan Pelajar dan Tabung Pinjaman Universiti. Tahun lalu seramai 349 orang pelajar menikmati kemudahan melalui inisiatif ini berjumlah RM415, 613.00. Saya menyeru para pemimpin pelajar untuk menjadi mata dan telinga kepada pengurusan Universiti. Salurkan maklumat pelajar yang memerlukan bantuan kepada Dekan, Pengetua atau Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni untuk mereka meneruskan kelangsungan hidup di Universiti ini.

Dalam usaha melahirkan graduan holistik, golongan pelajar kurang upaya tidak diketepikan. Pelbagai inisiatif telah disusun yang melibatkan pengurusan siswa OKU, kebolehcapaian bangunan dan persekitaran kampus, kemudahan pembelajaran dan khidmat sokongan serta kualiti hidup dan persediaan kerjaya. Menjadi harapan Universiti untuk melihat golongan ini dapat menghadapi cabaran kerja dengan lebih yakin dan bersemangat jitu.

Kecemerlangan Perkhidmatan

Melihat kepada isu-isu yang berlaku di kampus ini, saya ingin menyeru kepada semua penyelidik dan saintis untuk tampil ke hadapan bagi mencadangkan penyelesaian kepada pihak pengurusan terhadap masalah-masalah yang dihadapi. Ini kerana saya percaya bahawa kita mempunyai ramai penyelidik yang pakar dalam bidang masing-masing, sekaligus akan mengurangkan kebergantungan kita kepada pihak luar yang pastinya melibatkan kos yang tinggi. Saya memberi contoh penyelidik-penyelidik di Jabatan Geologi, Fakulti Sains yang telah membangunkan tube well bagi mengatasi masalah bekalan air di kawasan terjejas banjir.

Dalam menguruskan sesebuah Universiti, tidak dapat dinafikan bahawa peranan kumpulan pelaksana sangat penting. Tanpa mereka tiadalah sokongan yang membina

kukuh institusi ini. Bagi memastikan kumpulan ini terus dihargai, Universiti akan meneruskan program pembangunan staf termasuk latihan dan kemahiran mengikut keperluan jawatan walaupun dalam situasi menghadapi kekangan kewangan. Saya ingin menyeru kepada Ketua-ketua jabatan supaya tidak hanya bergantung kepada latihan yang disediakan oleh pihak Bahagian Latihan & Pembangunan Staf (STAND) semata-mata sebaliknya Ketua boleh memikirkan kursus dalaman yang tidak memerlukan kewangan yang banyak untuk staf mereka.

Melalui pelaksanaan inisiatif penggunaan sumber manusia yang optimum, kita diminta melaksanakan *multi-tasking* dan *multi-skilling* bagi jawatan yang bersifat operasi dan mempunyai skop bidang yang sama. Secara tidak langsung kemahiran staf akan bertambah dan memberi manfaat kepada perkembangan kerjaya mereka. Pengurusan Universiti juga sentiasa menyokong usaha warganya yang positif dan komited dalam membangun bersama Universiti. Kumpulan Pengurusan dan Profesional merupakan tulang belakang yang bersama menggembeling tenaga bagi memastikan universiti ini dapat diurus dan ditadbir dengan cemerlang. Sehubungan itu, pada tahun 2015, Pengurusan Universiti telah meluluskan penubuhan atau Persatuan Pegawai Tadbir dan Iktisas Universiti Malaya (PEKERTI UM). Saya berharap persatuan ini dapat merancang pelbagai aktiviti khususnya dalam memperkasakan barisan pegawai tadbir dan iktisas dalam kemahiran mentadbir Universiti ini.

Permuafakatan di antara pihak Pengurusan dengan persatuan pekerja yang mewakili kumpulan masing-masing seperti PKAUM dan KKAUM juga akan terus diperkasakan supaya pandangan semua pihak dalam Universiti dapat didengar dan diambil kira untuk manfaat bersama.

Saya percaya tiada satu pun hasrat yang kita gariskan ini sifatnya silo atau *independent*. Kerjasama semua warga UM di setiap peringkat adalah sangat penting bagi memastikan suatu hari nanti UM berjaya meletakkan namanya seiring dengan nama-nama besar dunia dalam pendidikan tinggi. Marilah tingkatkan semangat setiakawan dan muafakat supaya teguh dalam mengharungi cabaran yang mendatang. Pada tahun 2016 kita akan merayakan ulangtahun ke-111 Universiti Malaya. Pelbagai aktiviti telah dirancang untuk dilaksanakan bagi meraikan ulangtahun sejarah UM selain mampu menjadi jaguh di hati semua orang.

Pengakhir kata, saya ingin menekankan bahawa komitmen Universiti Malaya adalah jelas untuk membawa Universiti ini ke kedudukan 100 terbaik di dunia dalam QS *World University Ranking*. Oleh itu, marilah bersama-sama melaksanakan amanah ini dengan memberi komitmen tidak berbelah bahagi untuk memacu UM ke tahap yang lebih tinggi.

PENUNJUK KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN

PERKARA	PENUNJUK KECEKAPAN		PENUNJUK KEBERKESANAN (KESELURUHAN) (%)
	TAHUN SEBELUM	TAHUN SEMASA	
Peratus graduan yang berstatus bekerja semasa Konvokesyen.	80%	81.6% *April 2015	102%
Nisbah penerbitan oleh universiti dalam jurnal yang berindeks pada tahun sebelumnya di:			
(i) Universiti Penyelidikan	1.81	1.92	106%
Peratus staf akademik berkelayakan PhD dan setaraf di Universiti Awam:			
(i) Universiti Penyelidikan	86.6%	89.80%	103.6%
Peratus enrolmen pelajar dalam Pendidikan Latihan dan Latihan Teknikal Vokasional (TVET) di IPT.	Tidak Berkenaan		
Peratus peruntukan mengurus dibiayai melalui penjanaaan pendapatan sendiri bagi Universiti Awam:			
(i) Universiti Penyelidikan	15.89%	17.90%	112.6%
EPP#12: Menjuarai sebagai jenama pendidikan Malaysia di peringkat antarabangsa:			
i. Bilangan enrolmen pelajar antarabangsa	3440	3111	90.4%
ii. Bilangan enrolmen pelajar antarabangsa pasca -siswazah	2893	2615	90.39%
			Justifikasi: 1. Proses EMGS yang tidak efektif. 2. Pemberhentian pemberian Tajaan.

LAPORAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI DAN JAMINAN KUALITI AKADEMIK

Sistem Pengurusan Kualiti (SPK)

1. Audit Kualiti Dalam UM Bil. 16/2015
 - a. Audit Kualiti Dalam Universiti Malaya telah dilaksanakan pada 5 – 22 Mei 2015.
 - b. Kumpulan audit terdiri daripada empat belas (14) kumpulan dan telah mengaudit di kesemua PTj kampus UM dan Wisma R & D.
 - c. Hasil dapatan audit:
Jumlah Ketakakuran = 269,
Pemerhatian = 84, Amalan Positif = 7
2. Audit Pemantauan UM MS ISO 9001:2008
 - a. Audit Pemantauan Universiti Malaya telah dilaksanakan dan diaudit oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. pada 16 – 20 November 2015.
 - b. Fokus audit adalah PT01- Pengajaran dan Pembelajaran, PT02 – Pengurusan Penyelidikan dan proses sokongan.
 - c. Universiti Malaya telah memperolehi empat (4) *Non Conformity* (NC) dan dua puluh satu (21) *Opportunities For Improvement* (OFI).
3. Peralihan MS ISO 9001:2008 kepada MS ISO 9001:2015
 - a. Standard baru MS ISO 9001:2015 telah dikeluarkan oleh SIRIM pada September 2015.
 - b. Taklimat kepada warga Universiti Malaya:
 - (i) Taklimat MS ISO 9001:2015 Kepada Pengurusan Tertinggi dan *Lead Auditor* UM Oleh SIRIM *Training* Sdn. Bhd. pada 17 Mac 2015.
 - (ii) Taklimat MS ISO 9001:2015 Kepada Ketua-Ketua PTj Oleh SIRIM *Training* Sdn. Bhd. pada 21 April 2015.
 - (iii) Taklimat MS ISO 9001:2015 Kepada Pengurus Kualiti PTj Oleh QMEC pada 24 April 2015.
 - (iv) Taklimat MS ISO 9001:2015 Kepada Fakulti Perubatan oleh QMEC pada 4 Nov 2015.
 - (v) Kursus *Understanding and Implementing Risk Assessment of ISO 9001:2015* oleh wakil SIRIM *Training* Sdn. Bhd. kepada ahli QMEC dan Lead Auditor UM pada 29 Disember 2015.
 - c. Implementasi MS ISO 9001:2015 di UM akan bermula pada:
 - (i) Mei 2016 untuk Audit Kualiti Dalam UM Bil.17/2016.
 - (ii) Nov 2017 untuk Audit Pensijilan Semula UM oleh SIRIM QAS *International* Sdn. Bhd.

Jaminan Kualiti Akademik

1. Eksesais Semakan Kurikulum Program-program Akademik
 - a. Proses semakan kurikulum dijalankan selaras dengan Dasar Pengajaran dan Pembelajaran UM untuk memastikan program yang ditawarkan sentiasa relevan dengan keperluan negara dan mengikuti perkembangan semasa industri dan pasaran. Setiap program mesti melaksanakan semakan program mengikut tempoh yang ditetapkan.
 - b. Berikut adalah bilangan program yang telah selesai menjalankan eksesais semakan kurikulum dan telah diluluskan Senat.

	Diluluskan Senat	Dijumudkan
Ijazah Dasar	88 program	5 program
Ijazah Tinggi	58 program	7 program

2. Audit Pengekalan Swaakreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia

Pada 23 hingga 26 November 2015, pihak MQA telah menjalankan Audit Pengekalan Swaakreditasi yang merupakan audit institusi yang komprehensif ke atas UM. Audit ini merupakan salah satu syarat adalah untuk memastikan bahawa sistem penjaminan kualiti program di UM kekal berkualiti dan akur kepada *Code of Practice for Institutional Audit (COPIA)*.

Seramai tujuh orang auditor yang merupakan ahli akademik dari institusi pengajian tinggi tempatan telah terlibat dalam lawatan ini. Panel auditor ini dipengerusikan oleh Profesor Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Ahmad Bajunid.

3. Pengakreditasi Program Akademik

Selaras dengan status Swaakreditasi yang telah dianugerahkan, UM menjalankan sendiri pengakreditasi program akademiknya. Proses pengakreditasi melibatkan dua peringkat: pengakreditasi sementara untuk permohonan program baharu serta pengakreditasi penuh bagi program yang telah diberi status akreditasi sementara.

Bagi tahun 2015, empat program telah memperolehi status Akreditasi Sementara dan 10 program telah memperolehi status Akreditasi Penuh dari Senat UM.

PUSAT PENINGKATAN INSTITUSI

Rasional

Pusat Peningkatan Institusi (IAC) membantu dalam memajukan Universiti Malaya dari aspek pembangunan institusi secara professional, sistematik dan berterusan melalui empat fungsi utama “advancement” iaitu penjalinan hubungan, komunikasi, pemasaran dan penjana dana. Keempat-empat fungsi utama ini penting bagi IAC untuk memenuhi tiga objektif iaitu:

1. Meletakkan UM pada kedudukan 100 universiti terbaik pada peringkat dunia, selaras dengan agenda Kementerian Pendidikan Malaysia yang berhasrat meletakkan beberapa universiti tempatan pada kedudukan 100 terbaik dunia.
2. Menampung perbelanjaan sendiri sekurang-kurangnya 30% daripada kos operasi tahunan yang diperuntukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia menjelang tahun 2015.
3. Pelan Transformasi UM merangkumi 3 bidang iaitu akademik, pentadbiran dan kewangan yang membantu menggerakkan UM ke arah ranking dunia.

Pelan Strategi

BIL.	OBJEKTIF STRATEGI	AKTIVITI
1.	Menjana pendapatan kepada UM melalui program penjana dana.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menghantar flyer “Alumni Giving Program” kepada para alumni berdaftar dan mendapat kutipan sebanyak RM11,430.00. 2. Mengumpul sumbangan dikalangan staf, pelajar Universiti Malaya. Jumlah kutipan sebanyak RM837.10.
2.	Memupuk budaya memberi dikalangan warga kampus.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengadakan jelajah kampus dengan menggunakan maskot Harimau. 2. Memperkenalkan budaya memberi dan penjana dana dikalangan warga kampus melalui kempen “Giving to UM”.

JABATAN PENERBITAN

Fungsi utama Jabatan Penerbitan adalah untuk menerbitkan buku karya asli berbentuk ilmiah dan karya penyelidikan yang mencerminkan keserjanaan dan prestasi Universiti Malaya. Di samping itu, Jabatan Penerbitan juga diberi tanggungjawab untuk menyediakan perkhidmatan percetakan yang profesional kepada warga kampus Universiti Malaya.

Perolehan keseluruhan meningkat dari RM3 juta pada tahun 2014 ke RM3.3 juta pada tahun 2015. Ini merupakan prestasi terbaik sejak penubuhan Jabatan ini. Prestasi Jabatan semakin meningkat dan dibuktikan dengan minat pengarang daripada luar Universiti Malaya untuk menerbitkan buku dengan Penerbit Universiti Malaya.

Sebanyak 37 judul telah diterbitkan pada tahun 2015 dengan 21 judul dalam Bahasa Melayu dan 16 judul dalam Bahasa Inggeris. Daripada jumlah tersebut 10 judul adalah karangan bersama atau pengarang dari luar Universiti Malaya. Dalam masa yang sama, sebanyak 16 judul buku berbentuk *ebook* telah dimuatnaikkan untuk jualan dalam Projek *eBook* yang mula dilancarkan pada tahun 2013.

Pencapaian Penerbit Universiti Malaya pada tahun 2015 diserlahkan lagi apabila empat judul terbitannya memenangi anugerah buku. Tajuk, *'Tin in Applications: Meeting the Green Challenge'*, telah memenangi hadiah Anugerah Buku Terbaik (S&T) di Anugerah MAPIM-KPM, *'Malaysian Diet: The Plain Truth'* di Gourmand Best in the World Awards, *'Pengembangan Nilai dalam Pendidikan Matematik dan Sains'* dan *'Kritikan Teori Kejadian Alam Semesta'* di Anugerah PERSAMA.

Aktiviti pemasaran buku terus diberi tumpuan dengan penyertaan dalam 18 pesta atau karnival buku tempatan. Sementara itu, Jabatan juga telah menganjurkan beberapa majlis pelancaran buku di dalam dan di luar kampus, terutamanya pelancaran buku *'Malaysian Diet'* dan *'Reflections on Malaysian Economic Policies'*.

Kejayaan Penerbit Universiti Malaya juga meliputi usaha mengeratkan perhubungan dengan penerbit-penerbit IPTA lain dan organisasi luar kampus dalam industri perbukuan seperti Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM), Majlis Buku Kebangsaan Malaysia, Yayasan Pembangunan Buku Negara (YPBN), Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) serta penerbit luar negara.

Perkhidmatan percetakan juga menunjukkan pencapaian yang baik dengan pertambahan perolehan sebanyak 10% dari tahun 2014. Usaha penambahbaikan kualiti mencapai keberkesanan dengan tiadanya sebarang aduan pelanggan sepanjang tahun 2015.

Laporan sepenuhnya di Lampiran pada halaman 106.



PENDAFTAR

- Laporan Pendaftar
- Pembangunan Sumber Manusia
- Bahagian Latihan dan Pembangunan Staf
- Pembangunan Akademik

LAPORAN PENDAFTAR



Encik Yusoff Musa

Adalah menjadi dasar Jabatan Pendaftar untuk memastikan segala perjalanan operasinya mematuhi tadbir urus yang baik. Pembangunan modal insan terus diperkasakan bagi memastikan hampir 6,000 orang staf daripada pelbagai skim dan kategori mempunyai kemampuan terbaik untuk melaksanakan strategi dan polisi yang telah dirangka Universiti. Bahagian Sumber Manusia (BSM) telah memulakan eksekusi naziran perjawatan Universiti dengan menggunakan kaedah “Time Motion Studies (TMS)”. Eksekusi ini dapat mengenalpasti beban tugas dan keperluan sebenar perjawatan di sesebuah Pusat Tanggungjawab (PTj). Sebagai langkah awal, dua PTj telah dikenalpasti iaitu Fakulti Perniagaan dan Perakaunan dan Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya (UMCCed) sebelum dilaksanakan di semua PTj di Universiti Malaya. Seiring dengan peredaran teknologi, BSM telah mewujudkan Sistem Perisytiharan Harta secara online (SPHO) pada Ogos 2015. Sistem ini mampu membuat carian data yang segera dan memudahkan staf mengisytiharkan harta setiap 5 tahun sekali. . Inisiatif mewujudkan sistem “*Guarantee Letter (GL) Online*” (Surat Jaminan Secara Atas Talian) untuk tujuan perubatan ternyata penyelesaian yang sangat berfaedah kepada staf.

Tahun 2015 merekodkan tanggungjawab yang semakin mencabar kepada BSM apabila fungsi *payroll* diambil alih sepenuhnya daripada Jabatan Bendahari. Semua arahan pembayaran atau pemotongan yang berkaitan dengan emolument staf (termasuk gaji dan elaun) kini dikemaskini oleh Bahagian Sumber Manusia dalam sistem. Tahun 2015 adalah tahun bertuah bagi staf kerana UM pertama

kalinya melaksanakan eksekusi kenaikan pangkat secara laluan kerjaya (Fleksi) bagi 245 jawatan bagi kategori Pengurusan & Profesional dan Kenaikan Untuk Penyandang (KUP) bagi kategori Pelaksana. Eksekusi ini memberi peluang seramai 105 dan 94 orang pegawai daripada kedua-dua kategori skim perkhidmatan tersebut menikmati kenaikan pangkat.

Jabatan Pendaftar mencatatkan satu lagi pencapaian, apabila Pejabat Keselamatan dan Kesihatan (OSH) dan Unit Perkhidmatan Perlindungan Sinaran (UPPS) telah menggubal beberapa dasar dan polisi yang berpaksikan keselamatan dan kesejahteraan warga Universiti. Di antaranya ialah mewujudkan Polisi Perkhidmatan Makanan Keinstitutional UM bertujuan untuk memastikan pengurusan kafeteria yang lebih mantap dan efisien. Usaha memperkenalkan Polisi Latihan Kebakaran Universiti Malaya telah diiktiraf sebagai amalan positif dalam eksekusi audit tahun 2015. Ia memberi impak yang positif apabila permohonan latihan kebakaran dan pengungsian dari Universiti Malaya diseragamkan dengan agensi luar yang terlibat iaitu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Polis Di Raja Malaysia dan Pusat Perubatan Universiti Malaya serta Universiti Malaya melibatkan Jabatan Pembangunan & Penyelenggaraan Harta Benda (JPPHB) dan Pejabat Keselamatan.

Pelan Sekuriti Punca Radioaktif Keaktifan Tinggi Kategori 1, 2 dan 3 Universiti Malaya yang dibangunkan oleh Unit Perkhidmatan Perlindungan Sinaran (UPPS) telah diterimapakai oleh Lembaga Perlesenan Tenaga Atom Malaysia. Ini adalah satu pengiktirafan di peringkat nasional yang amat membanggakan. Pelan ini menerangkan pendekatan sekuriti dan sistem yang digunakan oleh Universiti Malaya bagi tujuan melindungi punca radioaktif keaktifan tinggi. Universiti Malaya juga telah mengambil langkah proaktif dengan mewujudkan Pelan Kecemasan Radiologikal. Pelan ini bertujuan untuk memastikan tindakan kecemasan dapat diambil dengan secepat mungkin supaya dapat meminimumkan impak kerosakan kepada harta benda dan mengurangkan risiko kepada orang awam dan pekerja.

Jabatan Pendaftar terus cemerlang menerajui inovasi dan transformasi melalui pertukaran daripada anggota keselamatan kepada anggota Polis Bantuan Universiti Malaya. Langkah ini telah meningkatkan imej dan kredibiliti anggota keselamatan Universiti Malaya. Penyampaian perkhidmatan dipertimbangkan oleh Bahagian Pentadbiran

Pendaftar apabila buat pertama kalinya urusan peminjaman dan pemulangan jubah termasuk sebutan nama graduan semasa penganugerahan skrol dilakukan secara online dalam satu kad yang dinamakan *e-card* Konvokesyen. Selain itu, kewujudan polisi dan dasar yang bermatlamatkan penyampaian perkhidmatan yang berkesan dengan melaksanakan penghantaran mel secara berpusat di Bangunan Canseleri dan Putrajaya yang diselaraskan oleh Mel Kampus.

Selain itu, skop tanggungjawab sosial Jabatan Pendaftar terus berkembang merangkumi sumbangan yang positif kepada staf, masyarakat dan juga Universiti. Melalui Jawatankuasa Perhubungan & Jaringan, staf Jabatan Pendaftar iaitu *Staff Engagement and Social Event Committee* (SENSE), Jabatan Pendaftar berusaha untuk menganjurkan projek yang mempunyai impak sosial yang berkekalan. Di antaranya adalah penganjuran Majlis Berbuka Puasa dan Solat Terawikh Bersama Anak-Anak Rumah Amal Lambaian Kasih di Puchong, Pertandingan Keceriaan Hari Kebangsaan 2015, Kejohanan Futsal Piala Pendaftar 2015, Kejohanan Bowling Piala Pusingan Pendaftar 2015, Misi Bantuan Bencana Banjir di Kelantan, Perak dan Pahang serta penganjuran Bubur Lambuk Mega 2015. Usaha SENSE ini telah berjaya mengharumkan nama Universiti Malaya apabila diumumkan sebagai pemenang tiga anugerah pertandingan sempena Seminar Perkongsian Projek Kesukarelawan Terbaik & Program Tanggungjawab Sosial Universiti Awam Malaysia (VCORE) yang berlangsung pada 21 hingga 22 Ogos 2015, bertempat di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Anugerah yang dirangkul ialah Video CSR Terbaik: Emas, Pembentangan Projek CSR Terbaik: Emas dan Pameran Gambar CSR Terbaik: Perak.

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Pada tahun 2015, statistik keseluruhan kakitangan Universiti Malaya menurun kepada 5,859 orang kakitangan berbanding 5,911 orang kakitangan pada tahun 2014. Bilangan ini meliputi 2,158 orang kakitangan bagi kategori penjawatan akademik dan 3,701 orang kakitangan bagi kategori bukan akademik. Bagi pecahan kategori bukan akademik merangkumi 730 orang kakitangan Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta 2,971 orang kakitangan bagi Kumpulan Sokongan. Statistik jumlah kakitangan Akademik, Pengurusan dan Sokongan (Bukan Akademik) dan kakitangan yang berhenti atau bersara bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:

Statistik Kakitangan Akademik

BIL.	JAWATAN	TETAP	KONTRAK	JUMLAH
1.	Profesor Ulung	-	2	2
2.	Profesor	203	95	298
3.	Profesor Madya	341	43	384
4.	Pensyarah Farmasi Gred DUF 45/51/52/53/54	10	2	12
5.	Pensyarah Pergigian Gred DUG 51/52/53/54	36	10	46
6.	Pensyarah Perubatan Gred DU 51/52/53/54	176	19	195
7.	Pensyarah Universiti Gred DS 45/51/52/53/54	574	383	957
8.	Pensyarah Pelatih	36	-	36
9.	Pakar Perunding	-	10	10
10.	Felo Penyelidik	-	55	55
11.	Felo Penyelidik Kanan	-	40	40
12.	Guru Bahasa	54	47	101
13.	Guru Subjek	-	22	22
JUMLAH		1,430	728	2,158

Sumber data: iHRIS, seperti pada 31.12.2015

CATATAN:

1. Kontrak termasuk Kontrak Selepas Bersara, Sementara dan Pelawat.

Makluman: Maklumat yang dikeluarkan adalah sulit dan hanya untuk penerima bagi kegunaan dalaman seperti yang dinyatakan sahaja. Anda dengan ini bertanggungjawab di atas sebarang penilaian, menghebah, mengedar, mencetak, serta menyalin maklumat ini atau sebahagian daripadanya tanpa kebenaran.

Statistik Kakitangan Bukan Akademik

BIL.	KUMPULAN JAWATAN	TETAP	KONTRAK	JUMLAH
1.	Pengurusan & Profesional	396	334	730
2.	Pelaksana	2,629	342	2,971
JUMLAH		3,025	676	3,701

Sumber data: iHRIS, seperti pada 31.12.2015

CATATAN:

1. Kontrak termasuk Kontrak Selepas Bersara, Sementara dan Pelawat.

Makluman: Maklumat yang dikeluarkan adalah sulit dan hanya untuk penerima bagi kegunaan dalaman seperti yang dinyatakan sahaja. Anda dengan ini bertanggungjawab di atas sebarang penilaian, menghebah, mengedar, mencetak, serta menyalin maklumat ini atau sebahagian daripadanya tanpa kebenaran.

Statistik Penamatan Perkhidmatan Staf

BIL.	STATUS PENAMATAN	BILANGAN
1.	Bersara	108
2.	Peletakan Jawatan	91
3.	Pelepasan dengan Izin	4
JUMLAH KESELURUHAN		203

Sumber data: iHRIS, seperti pada 31.12.2015

Makluman: Maklumat yang dikeluarkan adalah sulit dan hanya untuk penerima bagi kegunaan dalaman seperti yang dinyatakan sahaja. Anda dengan ini bertanggungjawab di atas sebarang penilaian, menghebah, mengedar, mencetak, serta menyalin maklumat ini atau sebahagian daripadanya tanpa kebenaran.

Latihan, Kursus dan Kemajuan Kerjaya

Universiti Malaya terus memberi peluang dan kemudahan kepada kakitangan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dengan menyediakan beberapa skim. Antara skim-skim yang disediakan ialah Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB), Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI) dan Hadiah Latihan Cuti Belajar. Pada tahun 2014, sejumlah 364 kakitangan telah menyertai skim-skim ini.

Statistik Calon HLCB / SLAB / SLAI sedang dalam Pengajian

BIL.	JENIS HADIAH LATIHAN	JUMLAH
1.	Hadiah Latihan Cuti Belajar	4
2.	Hadiah Latihan Cuti Belajar / SLAI	23
3.	Hadiah Latihan Cuti Belajar / Sub-Kepakaran	15
4.	Hadiah Latihan Cuti Belajar / Pasca Kedoktoran	13
5.	Cuti Belajar Bergaji Penuh (Bantuan Khas UM)	3
6.	Cuti Belajar Bergaji Penuh dengan Biasiswa (Bantuan Khas UM)	2
7.	Cuti Belajar Bergaji Penuh dengan Biasiswa / Hadiah Latihan Persekutuan (HLP)	11
8.	Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa	36
9.	Cuti Belajar Separuh Gaji	-
10.	Cuti Belajar Tanpa Gaji	3
11.	Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) / Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI)	219
12.	<i>Fellowship</i> UM	2
13.	Pelatih Pembantu Pembedahan Pergigian (DSA)	10
JUMLAH		341

BAHAGIAN LATIHAN DAN PEMBANGUNAN STAF (STanD)

Sejak penubuhannya pada April 2014, Bahagian Latihan dan Pembangunan Staf (STanD) giat berusaha untuk melaksanakan pelbagai penambahbaikan, khususnya, untuk mempertingkatkan sistem penyampaian dapat memberi perkhidmatan dengan lebih cekap dan berkesan kepada semua pelanggannya. Empat inisiatif yang diusahakan adalah seperti berikut:

1. Sistem Latihan Atas Talian Baru (Kursus Dalaman)

Sistem Latihan baharu ini mula digunakan pada Januari 2016 dan mempunyai banyak ciri-ciri baharu yang mampu meningkatkan kecekapan perkhidmatan STanD. Di antara ciri-ciri ini termasuklah kelulusan secara automatic, pemilihan peserta berdasarkan kriteria penilaian kursus atas talian, maklum balas keberkesanan kursus oleh Ketua dan laporan penilaian dijana terus dari sistem.

2. Manual Latihan (Draf 1)

Manual Latihan ini disediakan untuk menerangkan polisi dan garis panduan berhubung aktiviti latihan sama ada untuk kursus dalaman mahupun kursus luaran yang akan menjadi rujukan pelanggan STanD. Manual Latihan ini sedang dalam peringkat pemurnian tertakluk kepada kelulusan Pengurusan Universiti.

3. Projek Penjanaan Pendapatan

Pada tahun 2015, STanD telah mula mengambil inisiatif mempromosi kursus dalaman STanD kepada pelanggan luar sama ada dari agensi awam mahupun swasta. Selain peserta dari UMCCed, antara institusi luar yang telah menghantar peserta mengikuti kursus-kursus STanD pada tahun lalu adalah UKM, UUM dan The Global University of Islamic Finance (INCEIF).

Hasil kerjasama rapat dengan AKEPT sejak 2013, STanD juga telah diberi kepercayaan oleh AKEPT untuk dilantik sebagai pengurus bersama bagi dua projek AKEPT yang bernilai RM490,000.00. Hasil daripada projek kerjasama tersebut, STanD telah memperolehi yuran perkhidmatan lebih kurang RM30.000.00.

4. Kajian Kepuasan Pelanggan

Pada bulan Disember 2015, STanD telah mengedarkan Borang Kajian Kepuasan Pelanggan bertujuan mendapatkan maklum balas daripada pelanggan-pelanggannya berhubung tahap perkhidmatannya. Laporan kajian ini bertujuan untuk menambahbaik perkhidmatan STanD.

STanD telah mula membuat penyediaan Takwim Latihan 2016 pada bulan Ogos 2015. Berdasarkan maklum balas yang diperolehi serta keperluan semasa, STanD merancang untuk menawarkan sebanyak 37 kursus dalaman yang baharu daripada 97 kursus keseluruhannya yang akan ditawarkan.

Bagi tahun 2015, terdapat 185 bilangan kursus dalaman termasuk kursus ICT telah ditawarkan dan sebanyak 47 daripadanya atau bersamaan 25.4% terpaksa dibatalkan kerana masalah kekurangan peserta.

STanD juga telah menganjurkan dua siri kursus Pra Persaraan pada bulan Mac dan Oktober 2015. Selain itu, dua kursus adhoc iaitu Kursus Wasiat dan Hibah oleh Amanah Raya Malaysia dan Kursus Pengurusan Kewangan Berhemah oleh AKPK juga telah dijalankan.

PEMBANGUNAN AKADEMIK

Pengambilan Pelajar

Seramai 6,564 orang pelajar telah mendaftar dalam pelbagai bidang pengajian pada tahun 2015. Daripada jumlah tersebut, seramai 3,216 orang pelajar mengikuti kursus di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan 3,348 orang pelajar di peringkat Pascaijazah.

Seramai 1,245 orang pelajar telah mendaftar bagi program pengajian peringkat Asasi yang terdiri daripada program Pusat Asasi Sains Universiti Malaya (PASUM) dan program Asasi Pengajian Islam Nilam Puri.

Enrolmen Pelajar

Enrolmen pelajar bagi peringkat pasca siswazah pada tahun 2015 adalah seramai 11,835 orang. Manakala bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda pula adalah seramai 12,799 orang. Jumlah keseluruhan enrolmen pelajar Universiti Malaya bagi tahun 2015 adalah seramai 24,634 orang.

Kualiti Pelajar

Bagi kemasukan pelajar ke program Ijazah Sarjana Muda, UM masih meneruskan pengambilan pelajar secara autonomi iaitu kelulusan diperolehi daripada Kementerian Pendidikan Tinggi pada tahun 2014. Elemen temuduga yang diperkenalkan pada tahun 2013 masih diteruskan tetapi terhad untuk beberapa program pengajian sahaja.

Istiadat Konvokesyen

Istiadat Konvokesyen kali ke-54 Universiti Malaya telah berlangsung selama lima hari dari 17 hingga 21 Oktober 2015 di Dewan Tunku Canselor (DTC). Seramai 438 graduan Ijazah Doktor Falsafah, 3 graduan bagi Ijazah Doktor Kesihatan Awam, 1,672 graduan Ijazah Sarjana dan 3,222 graduan Ijazah Sarjana Muda. Jumlah keseluruhan penganugerahan ijazah adalah seramai 5,335 graduan.

Pada tahun ini, dalam Sidang Pertama, UM telah menganugerahkan kepada dua orang tokoh ternama Ijazah Kehormat Doktor Ekonomi kepada YBhg. Tan Sri Rafidah Aziz dan YBhg. Tan Sri Datuk Seri Panglima Andrew Sheng Len Tao. UM juga telah menganugerahkan Gelaran Profesor Emeritus kepada YBhg. Kapten Dato' Dr. Hashim Yaacob (B) PSSTLDM dan YBhg. Datin Dr. Hajah Rahmah Bujang.

Universiti Malaya juga menganugerahkan Anugerah Pelajaran DiRaja kepada dua orang pelajar cemerlang program Sarjana Muda iaitu Saudara Thomas Chandan anak Galong dari Fakulti Sastera dan Sains Sosial dan Saudara Soo Alvin dari Fakulti Perniagaan dan Perakaunan.

Istiadat Konvokesyen Universiti Malaya 2015

SIDANG	TARIKH dan MASA	PENGERUSI	IJAZAH KEHORMAT	DOKTOR FALSAFAH / DOKTOR PERUBATAN	IJAZAH SARJANA	IJAZAH SARJANA MUDA
Pertama	Sabtu, 17 Oktober 2015	DYMM Tuanku Canselor	2	438 Doktor Falsafah 3 Doktor Kesihatan Awam	277	-
Kedua	Ahad, 18 Oktober 2015	Toh Puan Pro-Canselor	-	-	730	-
Ketiga	Isnin, 19 Oktober 2015	Toh Puan Pro-Canselor	-	-	665	104
Empat	Selasa, 20 Oktober 2015	Tan Sri Pro-Canselor	-	-	-	709
Lima	Selasa, 20 Oktober 2015	Tan Sri Pro-Canselor	-	-	-	785
Enam	Rabu, 21 Oktober 2015	Tan Sri Dato' Seri Pro-Canselor	-	-	-	847
Tujuh	Rabu, 21 Oktober 2015	Tan Sri Dato' Seri Pro-Canselor	-	-	-	777
JUMLAH			2	441	1,672	3,222



Istiadat Konvokesyen Universiti Malaya 2015



AKADEMIK & ANTARABANGSA

- Laporan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- Hubungan Luar
- Memorandum Persefahaman & Perjanjian
- Pusat Pelajar Antarabangsa

LAPORAN TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)



Profesor Dr. Awang Bulgiba Awang Mahmud

Tahun 2015 dipenuhi dengan pelbagai aktiviti untuk portfolio Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) (TNC A&A). Pihak Lembaga Pengarah Universiti Malaya telah meluluskan jawatan Penolong Naib Canselor (Antarabangsa) dan Profesor Dr. Kamila Ghazali dari Fakulti Bahasa dan Linguistik telah dilantik ke jawatan tersebut pada 1 Oktober 2015. Portfolio TNC (A&A) telah mengambilalih Bahagian Akademik, Pusat Pelajar Antarabangsa, Unit *Bright Sparks* dan Institut Kong Zi dari Portfolio Pendaftar. Sehubungan itu, bilangan kakitangan telah bertambah dari 100 kepada 300 orang. Seksyen Kokurikulum, Elektif dan TITAS (SKET) telah melalui penjenamaan semula kepada CITra (*Centre for the Initiation of Talent and Industrial Training*) yang mengambilalih peranan latihan industri pelajar dari portfolio TNC (HEPA).

Universiti Malaya terus aktif dalam kesemua 36 jaringan yang dianggotainya. Ini telah menyumbang secara langsung dan tidak langsung kepada kedudukan UM yang bertambah baik dalam Sistem Penarafan QS dari kedudukan 151 dalam tahun 2014 kepada 146 dalam tahun 2015. UM merupakan satu-satunya universiti di Malaysia yang telah berjaya memecah masuk ke dalam golongan elit 150 (top 1%) universiti terbaik dunia.

Melalui Program Mobiliti Pelajar, hampir 2,000 pelajar UM telah berpeluang menimba pengalaman di luar negara dan hampir 2,000

pelajar luar negara telah memilih UM sebagai universiti tuan rumah di Malaysia. Bilangan ini merupakan yang tertinggi di antara universiti-universiti di Malaysia. Penganjuran *UM International Day*, *UM International Students' Gala Dinner* dan beberapa "summer school" bercorak antarabangsa seperti *Asia Pacific Rim Universities (APRU) Summer School* juga telah berjaya menguatkan jenama UM dalam pengantarabangsaan pendidikan. Berpuluh persidangan antarabangsa berprestij juga telah dianjurkan oleh UM pada tahun 2015 termasuk *3rd APA Conference*, *QS Summer School Summit*, *ASEAN Higher Education Conference*

dan 2nd Public University Leadership and Governance Conference 2015.

Sepanjang tahun 2015, UM juga telah berusaha untuk mengujudkan trek kerjaya akademik yang pelbagai. Proses ini mengambil masa setahun dengan 5 bengkel, beberapa mesyuarat, konsultasi dengan pelbagai pihak dan pelbagai cara termasuk 2 sesi *townhall* untuk memberi penerangan dan mendapatkan maklumbalas. Usaha ini adalah yang pertama di Malaysia di kalangan universiti awam dan UM berhasrat untuk memperkenalkan trek kerjaya ini pada tahun 2016.

Kajian semula kurikulum yang melibatkan 88 program ijazah pertama dan 64 program

ijazah tinggi telah berjaya dijalankan. Buat pertama kalinya UM telah diberi autonomi dalam pengambilan pelajar ijazah pertama. Ini telah dijalankan oleh UM dengan jayanya dan membuktikan kemampuan UM untuk mengendalikan 25,000 permohonan calon ke program ijazah pertama.

Portfolio TNC (A&A) juga telah merangka Pelan Strategik Akademik dan Pengantarabangsaan 2016-2020 yang baru. Harapan kami, tahun 2016 akan menyaksikan UM terus maju ke hadapan sebagai peneraju bidang pendidikan tinggi melalui pengenalan kaedah pembelajaran inovatif, sesuai dengan kedudukan UM sebagai universiti perdana di Malaysia.

HUBUNGAN LUAR

Lawatan Antarabangsa

TARIKH	UNIVERSITI / INSTITUSI	NEGARA
JANUARI		
6	University of Hawaii, Manoa	USA
7	Otaru University of Commerce	Japan
8	Secretary for Education, Hong Kong SAR	Hong Kong
9	Seoul National University	Korea
16	Queen's University Belfast	United Kingdom
19	National Research Tomsk Polytechnic University	Russia
19	National Research Tomsk State University	Russia
20	Wenzao Ursuline University of Languages	Taiwan
22	ESSCA School of Management	France
28	Ethiopian Civil Service University	Ethiopia
28	University of Glasgow	UK
30	Andalas University	Indonesia
FEBRUARI		
5	Konstanz University of Applied Sciences	Germany
5	Incheon National University	Korea
6	University of Essex	UK
10	National Taipei University of Business	Taiwan
18	Yamagata University	Japan
18	Embassy of the Czech Republic	Others
24	The Ohio State University	USA
24	INHA University	Korea
25	Toyo University	Japan
26	Education & Cultural Attache	Brunei Darussalam

TARIKH	UNIVERSITI / INSTITUSI	NEGARA
MAC		
2	FutureLearn	UK
3	University of East Anglia	UK
3	Chiang Mai University Language Institute	Thailand
5	Korea Research Institute, University of New South Wales	Australia
5	Ambassadors From Latin American & Carribean Countries	Others
6	Khon Kaen University	Thailand
11	Beijing Institute of Petrochemical Technology	China
12	Ningbo Education Bureau	China
13	Airbus Group Innovations Malaysia	Malaysia
17	Deakin University	Australia
17	Commissioner of Education, Republic of Iran	Iran
19	Embassy of the Republic of the Gambia	Gambia
19	University of Otago	New Zealand
19	Tokushima University	Japan
20	Oklahoma State University	USA
24	Phranakhon Rajabhat University	Thailand
26	National Taiwan University	Taiwan
26	Soka University	Japan
30	University of Waikato	New Zealand
APRIL		
1	Zhejiang Yuexiu University of Foreign Languages	China
3	Saudi Arabia's Cultural Attache	Saudi Arabia
14	University of Kent	UK
20	Shandong University	China
21	UIN Maliki Malang	Indonesia
22	Ministry for Education & Vocational Training	Tanzania
23	Chonnam National University	Korea
23	Federal University, Birnin Kebbi	Nigeria
MEI		
8	Hansei University	Korea
11	Faculty of Economics & Business, Universitas Indonesia	Indonesia
11	Australian High Commission	Australia
12	Western Michigan University	United States
12	Universitas Muslim Indonesia	Indonesia
14	The Hong Kong University of Science & Technology	Hong Kong
18	Embassy of the Czech Republic	Others
18	Didyasarin International College, Hatyai University	Thailand
19	The Australian National University	Australia
20	University of Fraser Valley	Canada
28	San Sebastian College - Recoletos, Manila	Philippines
JUN		
3	Sekolah Tinggi Ilmu Kesehatan (STIKES) RS. Haji Medan	Indonesia
4	National Institute For Policy & Strategic Studies (NIPPS)	Nigeria

TARIKH	UNIVERSITI / INSTITUSI	NEGARA
5	Osaka University	Japan
18	Guizhou Education University	China
23	Ehime University	Japan
25	Queen's University Belfast	United Kingdom
JULAI		
2	Thai Ministry of Public Health	Thailand
28	Chulalongkorn University	Thailand
28	University of Gezira	Sudan
31	Sekolah Tinggi Ilmu Kesehatan (STIKES) Tuanku Tambusai Riau	Indonesia
31	Iranian Curriculum Studies Association, Allametatababaei University	Iran
OGOS		
4	Bangladesh Institute of Management	Bangladesh
5	Kalbis Institute	Indonesia
6	Pukyong National University	South Korea
11	Murdoch University	Australia
13	National Cheng Kung University	Taiwan
17	University of Taipei	Taiwan
19	University of Gezira	Sudan
21	Kumamoto University	Japan
24	Royal Thai Embassy (Signing MoU)	Thailand
SEPTEMBER		
7	University of Stuttgart	Germany
7	Fukooka, University	Japan
14	Chiang Mai University	Thailand
29	Australian Members of Parliament	Australia
30	Nakhon Pathom Rajabhat University	Thailand
OKTOBER		
1	Sacred Heart College	Philippines
2	Omdurman Islamic University	Sudan
12	University of Sussex	United Kingdom
13	Kyushu University	Japan
16	Beifang University of Nationalities	China
22	Puthisastra University	Cambodia
30	University of the Immaculate Conception	Philippines
NOVEMBER		
6	Taibah University	Kingdom of Saudi Arabia
6	University of Sussex	United Kingdom
7	Centre National De La Recherche Scientifique	France
9	University College Dublin	Ireland
12	Shanghai Jiao Tong University	China
17	Brunel University London	United Kingdom
17	Leading Globally Engaged Universities (LGEU)	Others
24	Central Queensland University	Australia
26	Hokuriku University	Japan

TARIKH	UNIVERSITI / INSTITUSI	NEGARA
DISEMBER		
4	Universitas Indonesia	Indonesia
7	Kyushu University	Japan
8	Politeknik AKA Bogor	Indonesia
11	Meiji University	Japan
16	Negeri Baden-Wuerttemberg International	Jerman
17	Tohoku University	Japan
22	University of Botswana	Botswana

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN & PERJANJIAN

Universiti Malaya telah menandatangani sebanyak 100 Memorandum Persefahaman (MoU), 62 Memorandum Perjanjian (MoA) dan 12 pula adalah lain-lain dengan pelbagai institusi pengajian tinggi dan juga industri dari dalam dan luar negara. Laporan sepenuhnya di Lampiran pada halaman 108.

PUSAT PELAJAR ANTARABANGSA

Mulai 14 Mei 2015, Pusat Pelajar Antarabangsa atau *International Student Centre* (ISC) telah diletakkan di bawah portfolio Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa). ISC menguruskan pengendalian pelajar antarabangsa Ijazah Pertama, pengurusan visa staf dan pelajar, program mobiliti pelajar (*inbound* dan *outbound*), penginapan, insuran dan aktiviti pelajar.

Pengurusan Visa

Pada 1 April 2015, proses permohonan pas pelajar antarabangsa di Universiti Awam (UA) dilaksanakan oleh *Education Malaysia Global Services* (EMGS). EMGS ditubuhkan demi mendukung aspirasi Malaysia untuk menjadi sebuah hab pendidikan antarabangsa dan matlamat utamanya termasuklah menguruskan permohonan, pemprosesan dan pembaharuan visa pelajar antarabangsa.

Peringkat awal pelaksanaan EMGS tidak lancar kerana keseluruhan proses memerlukan pemahaman proses kerja yang jelas dan hal-hal teknikal berkaitannya. Pihak UA, EMGS dan KPM sentiasa berbincang dalam usaha menambahbaik keseluruhan proses.

Kemasukan Pelajar Pertukaran ke Universiti Malaya (*Inbound*)

Seramai 2,049 orang pelajar dari pelbagai negara telah menjalani program pertukaran pelajar di Universiti Malaya untuk program jangka pendek dan jangka panjang. ISC telah mengeluarkan surat tawaran kepada 414 orang pelajar bagi Semester I, Sesi Akademik 2015/2016. Dari bilangan ini, seramai 394 orang pelajar telah mendaftar. Ini menunjukkan bilangan tertinggi bagi program pertukaran pelajar jangka panjang yang telah diluluskan sehingga kini oleh pihak fakulti. Jadual di bawah menyenaraikan 10 negara tertinggi bilangan pelajar pemerhati.

BIL.	NEGARA	JUMLAH PELAJAR
1.	KOREA	452
2.	CHINA	403
3.	INDONESIA	284
4.	THAILAND	226
5.	JEPUN	188
6.	UNITED KINGDOM	83
7.	TAIWAN	68
8.	BRUNEI	61
9.	GERMAN	48
10.	SUDAN	35
11.	LAIN-LAIN	201
JUMLAH		2,049

Universiti Malaya juga telah menerima pelajar pemerhati di bawah beberapa program tajaan biasiswa dan program *Government to Government* (G to G).

BIL.	PROGRAM	BILANGAN PELAJAR
1.	ASEAN University Network (AUN)	13
2.	ASEAN International Mobility for Students (AIMS)	29
3.	Colombo Plan	7
4.	Erasmus Mundus	3
JUMLAH		52

Program Pertukaran Pelajar ke Luar Negara (*Outbound*)

Sejumlah 2,138 pelajar tempatan dan antarabangsa sepenuh masa telah menjalani pelbagai program pertukaran pelajar ke pelbagai universiti di luar negara seperti program pertukaran pelajar jangka panjang dan pendek, latihan industri, penempatan elektif, persidangan, mesyuarat, bengkel, latihan dan sebagainya. Senarai bilangan pelajar yang telah menerima pelbagai jenis biasiswa di dalam dan luar negara:


BIL.	PROGRAM	BILANGAN PELAJAR
1.	ASEAN University Network (AUN)	19
2.	ASEAN International Mobility for Students (AIMS)	18
3.	Erasmus Mundus	1
4.	Temasek Foundation Scholarship	9
5.	Global Korea Scholarship (GKS)	6
6.	Japanese Government Scholarship (MEXT)	4
7.	Heiwa Nakajima Foundation Scholarship	1
8.	Soka University Scholarship	2
9.	Japan Student Services Organisation Scholarship (JASSO)	3
JUMLAH		63

Jadual di bawah merupakan senarai 10 negara tertinggi bilangan pelajar ke luar negara.

BIL.	NEGARA	JUMLAH PELAJAR
1.	THAILAND	370
2.	INDONESIA	267
3.	KOREA	238
4.	TAIWAN	176
5.	JEPUN	168
6.	CHINA	135
7.	SINGAPURA	100
8.	UNITED KINGDOM	77
9.	AUSTRALIA	50
10.	GERMAN	37
11.	LAIN-LAIN	520
JUMLAH		2,138

Antara kejayaan yang diperolehi oleh pelajar outbound sepanjang tahun 2015 termasuklah seorang pelajar antarabangsa daripada Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Hutoma Danu Saputro dari Indonesia yang menjalani program pertukaran di Sejong University telah memenangi anugerah penulisan esei terbaik peringkat nasional di Republik Korea dan majlis penganugerahan diadakan di Rumah Biru Perdana Menteri Korea. Seorang lagi pelajar tempatan dari Akademi Pengajian Islam, Saiful Anwar bin Abdul Rani telah mendapat Pingat Emas dan *Best Speaker Award* dalam pertandingan *The 13th Business Case Competition* (Harvard Business Review) 2015 di Kookmin University, Korea.

Graf berikut menunjukkan Statistik *Inbound* dan *Outbound* dari tahun 2007 sehingga 2015.



QS University Ranking: Asia 2015

ISC memainkan peranan penting dalam agenda pengantarabangsaan UM dimana program pertukaran pelajar *inbound* dan *outbound* menyumbang sebanyak 5% daripada jumlah sembilan indikator bagi QS Asia Ranking. Pada tahun 2015, UM berjaya merangkul tempat pertama bagi kategori *Inbound* dan tempat keenam bagi kategori *Outbound* di Asia.

QS Summer School Summit

UM menjadi tuan rumah untuk kali ke-2 bagi program sambutan delegasi daripada pelbagai universiti yang menyertai program QS Summer School Summit. Majlis ini diadakan di Akademi Pengajian Melayu. Aktiviti yang diatur ialah lawatan kampus, lawatan ke Muzium APM, sajian makanan tempatan dan persembahan tradisional.

University of Malaya Summer Exchange Programme

University of Malaya Summer Exchange Programme bersama Asia University, Taiwan merupakan program tahunan anjuran ISC. Pada bulan Ogos tahun 2015, seramai 100 orang pelajar telah dihantar ke Asia University untuk menjalani program pertukaran jangka pendek selama sebulan dan Asia University pula menghantar seramai 63 orang pelajar ke UM.

University of Malaya International Day 2015

University of Malaya International Day 2015 pada 7 dan 8 Disember 2015 disediakan dengan pelbagai acara menarik. Pameran makanan, kebudayaan dan tradisi antarabangsa dengan penglibatan pelajar dari 12 negara diadakan di perkarangan Kompleks Perdanasiswa. Program ini berjaya mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada 2000 orang pelajar.

University of Malaya International Students' Gala Dinner 2015

Program tahunan ini menyaksikan sambutan yang meriah dan menggalakkan daripada pelajar pemerhati program pertukaran dan pelajar antarabangsa sepenuh masa di mana penyertaan seramai 730 pelajar pada 16 Disember 2015 di Hotel Pullman, Bangsar. Objektif utama program adalah untuk menyatukan pelajar antarabangsa dan menyampaikan anugerah kepada pelajar.



PENYELIDIKAN & INOVASI

- Laporan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- Penyelidikan dan Pembangunan
- Pencapaian dalam Penyelidikan
- Penyelidikan Berimpak Tinggi
- Inovasi dan Pengkomersilan
- Komuniti dan Kelestarian

LAPORAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN & INOVASI)



Profesor Dr. Noorsaadah Abd. Rahman

Universiti Malaya mengukuhkan keunggulan dengan pencapaian yang cemerlang dalam bidang penyelidikan dan inovasi. UM berjaya menerbitkan 3,168 kertas jurnal berindeks melalui pangkalan data *Thomson ISI Web of Science* dan 3,447 kertas jurnal berindeks dalam SCOPUS. Hasil daripada pengkomersilan mencatatkan sebanyak 132 paten yang didaftarkan (128 tempatan dan 4 antarabangsa) dan dianugerahkan sebanyak 24 paten (22 tempatan dan 2 antarabangsa). Pencapaian yang memberangsangkan ini berjaya meningkatkan kedudukannya ke-146 dalam *QS World University Rankings* dan tempat ke-29 di peringkat Asia. UM turut berjaya berada dalam julat 301-400 terbaik dalam *Academic Ranking of World Universities*, kedudukan ke-422 dalam *US News Best Global Universities* dan kedudukan ke-73 dalam *UI Green Metric Ranking World University Ranking (2014)*.

Sumbangan UMCoE dan HICoE di UM telah mengangkat martabat UM apabila TIDREC sekali lagi menjadi *WHO Collaborating Centre for Ahovirus Reference & Research (Dengue/Severe Dengue)*. Usahasama TIDREC dengan pihak industri komersil termasuklah pengkormesilan “Spokojan”, lingkaran nyamuk ‘Tarikan Maut Spokojan’ melalui kerjasama dengan *University of Malaya Spin-Off Company* dan *Semio-Technology Sdn. Bhd.*, pembangunan prototaip ‘Mobile Biosafety Level-3’ dengan *Labover Meridis, France (One Biotech & Biosafety Sdn Bhd)* dan pembangunan pangkalan data denggi melalui kerjasama *Codon Genomics Sdn Bhd. TIDREC*

turut menerima beberapa anugerah lain melalui pencapaian cemerlang penyelidikinya seperti *PhAMA Awards 2015: Minister of Health Innovation & Research Award* (Prof. Dr. Sazaly Abu Bakar, Prof. Madya Dr. Lau Yee Ling), *The Academy of Sciences Malaysia, Fellow (trledical and Health Sciences)* (Prof. Dr. Sazaly Abu Bakar) dan *Travel award to Asia Pacific Biosafety Association 10th Biosafety Conference 2015* (Dr. Chang Li Yen). UMPEDAC dianugerahkan kertas pembentangan terbaik oleh *IEEE Industry Application Society (IAS)* dan tempat ke-2 bagi kertas kerja bertajuk “*Implementation of d-q Decoupling and Feed-Forward Cument Controtler for Grid Connected*

Three Phase Voltage Source Converter” yang diketuai oleh Profesor Dr. Nasrudin Abd Rahim dan mempunyai inovasi produk penyelidikan melalui projek *Malaysia Building Integrated Photovoltaic* (MB\PWTechnology Application. UMCares telah melancarkan *Green Office* dan CEBAR telah menerima geran penyelidikan melebihi RM5.5 juta, termasuk *‘Bill & Melinda Gates Foundation’* (di bawah *‘International Institute of Tropical Agriculture’* (IITA), berjaya mengurus dan mengendalikan Fasiliti Tanaman Biotek (PBF), CEBAR, UM yang menyediakan kemudahan seperti bilik tanaman yang dilengkapi dengan persekitaran untuk mengkaji tumbuhan transgenik pada skala yang besar yang mana PBF telah berjaya mencapai pensijilan semula dengan memenuhi piawaian antarabangsa untuk Biokeselamatan pada September 2015.

Staf dan pelajar UM telah memantapkan keupayaan penyelidikan dan inovasi dengan memenangi sejumlah 132 anugerah hasil dari penyertaan dalam 46 pertandingan di peringkat antarabangsa dan tempatan. *University of Malaya Research Carnival* (UMRC) 2015 telah berjaya merapatkan komunikasi aktif antara penyelidik, masyarakat dan industri melalui pembinaan rangkaian dan jalinan antara akademik dengan industri. Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) telah menganjurkan *‘Program Leadership Development for Higher Education Reform* (LEADHER)’ dan program yang julung kalinya diadakan untuk barisan pemimpin akademik universiti antarabangsa/ tempatan iaitu *Workshop on Leading Globally Engaged Universities* (LGEU) bersama badan antarabangsa *International Association of Universities* (IAU). Pencapaian yang dihasilkan menunjukkan komitmen yang tinggi oleh staf dan pelajar dalam memantapkan status sebagai universiti penyelidikan.

PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

Geran Penyelidikan

Dalam menyemarakkan lagi aktiviti penyelidikan di Universiti Malaya, pelbagai skim geran penyelidikan telah ditawarkan oleh pihak universiti di bawah Peruntukan Universiti Penyelidikan seperti Geran Penyelidikan Universiti Malaya (UMRG), Bantuan Kecil Penyelidikan (BKP), Peruntukan Penyelidikan Pascasiswazah (PPP) dan sebagainya. Selain daripada itu, penyelidik juga digalakkan untuk memohon geran penyelidikan yang disediakan oleh pihak luar seperti agensi kerajaan, pihak swasta dan antarabangsa.

Projek Penyelidikan Tajaan Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI)

Science Fund

Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah menawarkan peruntukan Science Fund kepada semua penyelidik-penyelidik di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Objektif geran Science Fund adalah untuk menyokong projek penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang mana boleh menjana ilmu baharu dalam dasar strategik dan sains gunaan dan membangunkan produk atau proses baharu untuk pembangunan dan komersialisasi dalam kelompok penyelidikan yang lebih khusus.

Pada tahun 2015, sebanyak 17 projek penyelidikan UM telah berjaya memperoleh peruntukan sebanyak RM 3,676,445.00 seperti pecahan berikut:

BIDANG	BILANGAN PROJEK	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
<i>Information and Communication Technology</i>	1	68,500.00
<i>Biotechnology</i>	5	1,222,680.00
<i>Industry Technology</i>	10	2,135,665.00
<i>S & T Core</i>	1	249,600.00
JUMLAH	17	3,676,445.00

Projek Penyelidikan Tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Pelbagai kategori geran penyelidikan telah ditawarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk diagihkan kepada Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta (IPTA/IPTS). Bagi tahun 2015, sebanyak 88 projek telah diperuntukkan kepada Universiti Malaya melalui beberapa skim peruntukan antaranya:

(a) Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS)

BIDANG	FASA 1/2015	
	BILANGAN PROJEK	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
Teknologi dan Kejuruteraan	17	2,024,900.00
Sains Gunaan	16	1,679,000.00
Sains Kesihatan dan Klinikal	12	1,783,200.00
Sastera dan Sastera Ikhtisas	10	792,420.00
Teknologi Komunikasi & Informasi	8	674,900.00
Sains Tulen	8	1,058,087.00
Sains Sosial	4	282,400.00
Sains Tabii dan Warisan Negara	1	93,200.00
JUMLAH	76	8,388,107.00

(b) Skim Geran Penyelidikan Trans-Disiplin (TRGS)

BIDANG	FASA 1/2015	
	BILANGAN PROJEK	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
Sains Gunaan (<i>Water Security</i>)	1	487,000.00

(c) Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS)

BIDANG	FASA 1/2015	
	BILANGAN PROJEK	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
Teknologi dan Kejuruteraan	5	789,600.00
Sains Gunaan	3	481,000.00
Teknologi Komunikasi & Informasi	2	168,500.00
Sains Tabii dan Warisan Negara	1	83,000.00
	JUMLAH	1,522,100.00

Projek Penyelidikan Biayaan Geran Universiti Penyelidikan

Di bawah Peruntukan Universiti Penyelidikan 2015, beberapa skim geran penyelidikan telah ditawarkan kepada staf akademik Universiti Malaya. Antaranya adalah:

(a) Bantuan Kecil Penyelidikan

Bantuan Kecil Penyelidikan (BKP) merupakan dana penggalak yang diberikan kepada staf akademik/penyelidik muda untuk memulakan penyelidikan sejajar dengan keperluan UM pada masa kini. Pensyarah muda yang berkhidmat kurang daripada 3 tahun; bekas Felo SLAB/SLAI yang telah tamat pengajian dan sedang dipertimbangkan untuk lantikan ke jawatan Pensyarah serta Felo Penyelidik Pelawat yang telah dilantik bagi tempoh minimum 6 bulan sehingga maksimum 12 bulan adalah layak untuk memohon geran ini.

Pada tahun 2015, sejumlah 81 projek penyelidikan telah dibiayai dengan menggunakan sumber Bantuan Kecil Penyelidikan (BKP) yang berjumlah RM 2,851,195.20. Butiran agihan adalah seperti berikut:

AGIHAN	BILANGAN PROJEK	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
Akademi Pengajian Islam	4	116,213.00
Fakulti Alam Bina	6	217,170.00
Fakulti Kejuruteraan	11	494,649.00
Fakulti Bahasa dan Linguistik	4	63,275.00
Fakulti Pendidikan	1	21,040.00
Fakulti Perniagaan dan Perakaunan	1	25,000.00
Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat	5	122,540.00
Fakulti Pergigian	2	88,300.00
Pusat Asasi Sains	1	45,000.00
Fakulti Perubatan	25	997,978.00
Fakulti Sains	14	498,850.20
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)	1	10,800.00
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)	3	73,300.00
Pusat Kebudayaan	1	19,900.00
Pusat Sukan	2	57,180.00
JUMLAH	81	2,851,195.20

(b) Peruntukan Penyelidikan Pascasiswazah (PPP)

Peruntukan Penyelidikan Pascasiswazah (PPP) Universiti Malaya telah diwujudkan untuk membantu projek penyelidikan yang dijalankan oleh calon-calon pascasiswazah Universiti Malaya di bawah mod penyelidikan. Penerima geran PPP perlu menghasilkan sekurang-kurangnya satu penerbitan di dalam jurnal ISI/WoS.

Bagi Fasa 1/2015, sejumlah 323 projek penyelidikan pascasiswazah dibiayai di bawah geran PPP dengan peruntukan berjumlah RM 6,779,765.91.00 manakala Fasa 2 masih dalam proses penilaian. Berikut adalah butiran kelulusan bagi Fasa 1:

FASA	BILANGAN PROJEK	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
Fasa 1	323	6,779,765.91.00

(c) Agihan Peruntukan bagi Projek UMRG

Melalui agihan peruntukan bagi *University of Malaya Research Grant Scheme* (UMRG), sebanyak 155 projek penyelidikan telah diberi peruntukan UMRG bagi tahun 2015 dengan jumlah agihan peruntukan sebanyak RM 5,931,778.00. Butiran agihan mengikut kluster penyelidikan adalah seperti berikut:

AGIHAN	BILANGAN PROJEK	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
<i>Frontier Science</i>	89	3,390,594.00
<i>Sustainability Science</i>	-	-
<i>Innovative Technology</i>	4	220,000.00
<i>Wellness</i>	42	1,722,134.00
<i>Humanities</i>	20	599,050.00
<i>Equitable Society</i>	-	-
JUMLAH	155	5,931,778.00

(d) Agihan Peruntukan bagi Program UMRG

Melalui agihan peruntukan bagi *University of Malaya Research Programme* 2015, sebanyak 126 program (611 sub program) penyelidikan telah diberi peruntukan UMRP bagi tahun 2015 dengan jumlah agihan peruntukan sebanyak RM32,204,637.51. Butiran agihan mengikut kluster penyelidikan adalah seperti berikut:

AGIHAN	BILANGAN PROJEK	BILANGAN SUB-PROGRAM	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
<i>Frontier Science</i>	32	109	4,891,588.00
<i>Sustainability Science</i>	20	94	4,540,351.00
<i>Innovative Technology</i>	-	173	7,966,829.60
<i>Wellness</i>	37	104	6,755,296.25
<i>Humanities</i>	13	35	3,315,743.46
<i>Equitable Society</i>	24	96	4,734,829.20
JUMLAH	126	611	32,204,637.51

(e) Agihan Peruntukan bagi Program Grand Challenges

Melalui agihan peruntukan bagi *Grand Challenges Programme* 2015, sebanyak 9 program (44 sub program) penyelidikan telah diberi peruntukan bagi tahun 2015 dengan jumlah agihan peruntukan sebanyak RM4,115,361.45. Butiran agihan mengikut kluster penyelidikan adalah seperti berikut:

AGIHAN	BILANGAN PROJEK	BILANGAN SUB-PROGRAM	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
<i>Frontier Science</i>	-	-	-
<i>Sustainability Science</i>	3	13	1,336,22.50
<i>Innovative Technology</i>	-	6	488,775.00
<i>Wellness</i>	3	12	1,080,029.00
<i>Humanities</i>	1	5	484,594.95
<i>Equitable Society</i>	2	8	725,740.00
JUMLAH	9	44	4,115,361.45

(f) Agihan Peruntukan bagi Program *Flagship*

Melalui agihan peruntukan bagi *Flagship Programme* 2015, sebanyak 2 program (13 sub program) penyelidikan telah diberi peruntukan bagi tahun 2015 dengan jumlah agihan peruntukan sebanyak RM686,952.00. Butiran agihan mengikut kluster penyelidikan adalah seperti berikut:

AGIHAN	BILANGAN PROJEK	BILANGAN SUB-PROGRAM	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
<i>Frontier Science</i>	-	-	-
<i>Sustainability Science</i>	2	9	413,952.00
<i>Innovative Technology</i>	-	4	273,000.00
<i>Wellness</i>	-	-	-
<i>Humanities</i>	-	-	-
<i>Equitable Society</i>	-	-	-
JUMLAH	2	13	686,952.00

Projek Penyelidikan Tajaan Agensi Kerajaan Lain, Swasta dan Antarabangsa

Selain daripada peruntukan penyelidikan yang diperolehi di atas, Universiti Malaya juga ada menerima peruntukan untuk membiayai penyelidikan daripada agensi kerajaan lain, badan swasta dan antarabangsa sebanyak RM8,113,912.00.

BIL.	TAJUK PROJEK	SUMBER	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
1.	Coastal Integrity Vulnerability Assessment Tool (Civat) At The Selected Coastal Zones In Selangor	Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)	40,000.00
2.	4PMSKJ : Penyelidikan Pisa	Padu Corporation - KPM	60,000.00
3.	Malaysia Islamic Finance Education Report (MIFER) 2015	International Council Of Islamic Finance Educators (ICIFE - IIUM)	7,500.00
4.	Effect Of Standardized Extract Of Kacip Fatimah (Labisa Pumila) On Female Reproductive Functions In Oestrogen-Deficient State	Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani (MOA)	300,000.00
5.	Protective Effects Of Standardised Labisia Pumila Extracts Against Vascular Dysfunction In Diabetes	Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani (MOA)	368,400.00
6.	Effect Of Eurycoma Longifoliaon On Adipogenesis	Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani (MOA)	300,000.00
7.	Design And Development Of Ultrasonic Integrated Laser Soldering (UILS) Device	MOSTI - Sciencefund	236,616.00
8.	One Step Oxidative-Depolymerisation Of Lignocellulosic Biomass For Production Of Nanocrystalline Cellulose Using Chemical Catalyst	MOSTI - Sciencefund	171,000.00
9.	TiO2 Nanocrystals Grown On Graphene Film For Efficient Solar-Driven Water Splitting System	MOSTI - Sciencefund	189,349.00
10.	Novel Perovskite Sensitizers For Highly Efficient Low Mesoscopic Solar Cells	MOSTI - Sciencefund	284,000.00

BIL.	TAJUK PROJEK	SUMBER	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
11.	Development Of Valve Condition Monitoring System For Industrial Reciprocating Compressor Using Acoustic Emission Technique	MOSTI - Sciencefund	341,800.00
12.	Environmentally-Friendly Self-Healing Coatings Derived From Vegetable Oils	MOSTI - Sciencefund	162,700.00
13.	Enhancing Recommendations In A Multi-Agent Environment Using Key Trust Components	MOSTI - Sciencefund	68,500.00
14.	Pioneering The Role Of Fucoidan, A Natural Polysaccharide, In Enhancing In Vitro Chondrogenesis Of Mesenchymal Stromal Cells Through Combining In Alginate Beads For Cartilage Tissue Engineering Applications - In Vitro	MOSTI - Sciencefund	170,000.00
15.	Revealing Banana Interactome With Meloidogyne Incognita 16d10 Gene Via Affinity Tagging Purification-Mass Spectrometry (AP-MS) Approach	MOSTI - Sciencefund	218,880.00
16.	Seismic Performance Evaluation Of Rotary Rubber Damper (RRD) System In Beam-Column Connection	MOSTI - Sciencefund	164,000.00
17.	Formation Of Zro2 Gate On Ge Based Metal-Oxide-Semiconductor (MOS) Structure For Ultra-Low-Power And High-Speed-Switching Device Applications	MOSTI - Sciencefund	200,000.00
18.	Yield Enhancement Of The Semiconductor Electronics Industry Through Physics-Of-Failure And Reliability Research In Electronics	MOSTI - Sciencefund	197,200.00
19.	Combination Of Physicochemical and Sulfate Radical Based Advanced Oxidation Process For Landfill Leachate Treatment	MOSTI - Sciencefund	249,600.00
20.	Development Of Novel Therapeutic Peptides Targeting Host Autophagy Machinery Against Enterovirus A71 Infection	Loreal Malaysia Sdn. Bhd	30,000.00
21.	Genomic Responses Of Microalgae To Climate Changes Across A Global Gradient	International Medical Uni. Malaysia (IMU)	70,000.00
22.	Public Participation From An Islamic Perspective : A Case Study In Selected Muslim Organizations In Malaysia	Akademi Pangurusan YPEIM Sdn. Bhd.	20,000.00
23.	Collaborative Research And Product Development Of Pome-Bac As Aquaculture Feed In Mosti-Technofund Project On Application Of Growing Zoea And Megalopa For An Urba Hatchery And Satellite Farm For Crustaceans	Syarikat Dynotree Sdn. Bhd	181,200.00
24.	The Effects Of Red Bull Energy Drinks On Physical And Metal Performance	Allexcel Trading Sdn. Bhd	30,080.00
25.	Development Of Cloud Computing For Big Data Analytics	Collaborative Research In Engineering, Science & Technology Center (CREST)	90,821.05
26.	Nonlinear High Power Device Modeling	Collaborative Research In Engineering, Science & Technology Center (CREST)	772,750.65

BIL.	TAJUK PROJEK	SUMBER	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
27.	Trusting Humanoid Robots Undertake Social Tasks (THRUST)	Damai Sciences	135,000.00
28.	Small Peptide Design For Anti Inflammatory Activity	Wipro Manufacturing Services	56,800.00
29.	Design And Modelling A Bipolar Transistor Up To 20ghz For 8 - 20ghz Yig-Tuned Oscillator Design	Collaborative Research In Engineering, Science & Technology Center (CREST)	271,157.89
30.	Investigation Of The Roles Of Pattern Recognition Receptors On Host Immune Cells Against Helicobacter Pylori Infection	Malaysian Toray Science Foundation	20,000.00
31.	Phyto-Assessment Of Vetiver In Highly Contaminated Mixed PB-CD Metals	Malaysian Toray Science Foundation	20,000.00
32.	Micrnas Profiling At The Invasive Fronts Of Triple-Negative Breast Cancer Subtype	Majlis Kanser Nasional (MAKNA)	30,000.00
33.	Safety Risk Assessment At Accident-Prone Locations On Plus Expressway Using Advanced Dynamic Simulation Technique (ADST)	Plus Malaysia Berhad	53,000.00
34.	A Randomized, Double-Blind, Phase III Study Comparing Biosimilar Rituximab (RTXM83) Plus Chop Chemotherapy Versus A Reference Rituximab Plus Chop (R-Chop) In Patients With Diffuse Large B-Cell Lymphoma (DLBCL) Given As First Line	Quintiles Malaysia Sdn Bhd	42,651.51
35.	A Randomized, Open Label, Phase Iii Study Of Overall Survival Comparing Pembrolizumab (MK-3475) Versus Platinum Based Chemotherapy In Treatment Naïve Subjects With Pd-L1 Positive Advanced Or Metastatic Non-Small Cell Lung Cancer (Keynote 042)	Merck Sharp & Dohme (M) Sdn Bhd	35,873.20
36.	A Randomized, Double-Blind, Active Controlled Parallel Group Study To Evaluate The Effect Of 52 Weeks Of Once Daily Treatment Of Orally Inhaled Tiotropium + Olodaterol Fixed Dose Combination Compared With Tiotropium On Chronic Obstructive Pulmonary Disease (COPD) Exacerbation In Patients With Severe Copd. [Dynagito]	Quintiles Malaysia Sdn Bhd	29,150.46
37.	Confirmatory Study Of DSP-5423p In Patients With Schizophrenia <Phase 3>	Covance Inc.	49,990.50
38.	A Multicenter, Randomized, Open-Label, Three Parallel Groups Phase 2-3 Study To Evaluate The Efficacy And Safety Of Masitinib With Dexamethasone, Gemcitabine With Dexamethasone And The Combination Of Matisinib, Gemticabine, And Dexamethasone In Patients With Relapsed Or Refractory Peripheral T-Cell Lymphoma	Clinactics Pte Ltd	15,211.59
39.	A Randomized, Multicenter, Open-Label, Phase 3 Study Of The Bruton's Tyrosine Kinase (BTK) Inhibitor PCI-32765 (IBRUTINIB) Versus Rituximab In Subjects With Relapsed Or Refractory Chronic Lymphocytic Leukemia / Small Lymphocytic Lymphoma	Janssen	11,430.55

BIL.	TAJUK PROJEK	SUMBER	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
40.	A Randomized, Double-Blind, Double-Dummy, Parallel-Group Phase 3 Study To Evaluate The Efficacy And Safety Of Oral Once-Daily Administration Of TAK-438 10 Or 20 Mg Compared To Lansoprazole 15 Mg In The Maintenance Treatment Of Subjects With Endoscopic Healing Of Erosive Esophagitis	Quintiles Malaysia Sdn Bhd	101,379.46
41.	A Randomized, Double-Blind, Double-Dummy, Phase 3 Study To Evaluate The Efficacy And Safety Of Oral Once-Daily Administration Of Tak-438 20 Mg Compared To Lansoprazole 30 Mg In Thetreatment Of Subjects With Erosive Esophagitis	Quintiles Malaysia Sdn Bhd	39,445.80
42.	A Phase II Clinical Trial Of Pembrolizumab (MK-3475) In Subjects With Advanced/ Unresectable Or Metastatic Urothelial Cancer	Merck Sharp & Dohme (Malaysia) Sdn Bhd	30,000.00
78.	22 Oktober 2015	Audit Kendiri SKK	Seksyen Kaunseling & Kerjaya
79.	30 Oktober – 1 November 2015	<i>Intensive Career Camp (ICC) Series 2/2015</i>	Hotel Seri Malaysia, Port Dickson, Negeri Sembilan
80.	3 November 2015	<i>DLO & Students with Disability Tea Talk</i>	DP1, KPS, Universiti Malaya
81.	20 – 22 November 2015	Kaunseling Kelompok (Ijazah Dasar)	Hotel Seri Malaysia, Port Dickson, Negeri Sembilan
82.	25 November 2015	Bengkel Aksesibiliti Dalam Persekitaran Alam Bina Universiti Malaya Fasa 1	Hotel Crystal Crown, Petaling Jaya, Selangor
83.	4 - 6 Disember 2015	Kem Memperkasa Mahasiswa/I OKU Ke Arah Kesejahteraan Hidup Peringkat Kebangsaan	Hotel Seri Costa, Bandar Hilir, Melaka

Hal Ehwal Perundangan Pelajar

Pada tahun 2015, Hal Ehwal Perundangan Pelajar telah menguruskan beberapa kes perbicaraan tatatertib pelajar dan rayuan tatatertib pelajar menurut peruntukan di bawah Kaedah-kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 dan Akta Kolej Universiti 1971.

Prosiding dan Rayuan Tatatertib Pelajar

BIL.	KES	LAPORAN KES	BERSALAH	TIDAK BERSALAH	RAYUAN KES
1.	Larangan AM	2	2	-	-
2.	Kelakuan Semasa Peperiksaan	19	18	1	12

Student Empowerment Research Unit (SERU) 2015

Student Empowerment & Research Unit (SERU) ditubuhkan untuk membantu mengasah kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar-pelajar ijazah dasar Universiti Malaya untuk meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan di pasaran kerja kelak. Program-program yang dianjurkan SERU adalah direka bentuk berdasarkan keperluan kemahiran insaniah yang masih dilihat sebagai kekurangan oleh majikan dalam kalangan graduan pada amnya. Pada tahun 2015, Hubungan Industri dan Latihan (HIL) telah ditempatkan di bawah unit SERU bagi menguruskan perihal latihan industri, bengkel pra-persediaan pelajar serta urusan pelajar *in-bound* dan *out-bound*.

Berikut merupakan laporan terperinci program-program SERU serta pencapaian untuk tahun 2015:

BIL.	TARIKH	NAMA PROGRAM	TEMPAT
1.	23 Feb – 3 Mac	<i>Bridging The Employability Gap</i>	UTM Skudai, Johor
2.	7 Mac & 31 Okt	<i>Study Strategies & Techniques</i> <i>i. Time & Stress Management</i>	Dewan Perdana 1 & 4, KPS
	25 Apr & 24 Okt	<i>ii. Speed Reading & Memory Technique</i>	
	23 Mei & 1 Nov	<i>iii. Note Taking, Listening & Questioning Skills</i>	
3.	21 – 22 Mac	<i>Interactive Project Management</i>	Dewan Perdana 4, KPS
4.	14 – 15 Mac & 3 – 4 Okt	<i>Discover Your Soft Skills @ University of Malaya (iCONS)</i> <i>i. All For One</i>	Fasa 1 – Fakulti Ekonomi & Pentadbiran Fasa 2 – Institute of Graduate Studies (IPS)
	21 – 22 Mac & 10 – 11 Okt	<i>ii. Think. Solve. Innovate</i>	
	28 – 29 Mac & 17 – 18 Okt	<i>iii. Speak With Confidence</i>	
	4 – 5 Apr & 25 – 25 Okt	<i>iv. Get Started</i>	
5.	14 & 28 Mac 4 & 25 April	Bengkel Pra-persediaan Latihan Industri (Kohort I)	Fakulti Bahasa & Linguistik
6.	4 April	<i>Speak To Express & Impress</i>	Dewan Perdana 3, KPS
7.	6 Mei 30 Mei 7 & 8 Nov	<i>Graduate To Work</i> <i>i. Kiss, bow or shake hands</i> <i>ii. Making the world a better place</i> <i>iii. Walking Tall</i>	Dewan Perdana 1 & 3, KPS
8.	23 – 24 Mei & 10 – 11 Okt 24 – 25 Okt	<i>Neuro Linguistic Programming</i> <i>i. You Get The Job</i> <i>ii. Uncover Your Full Potential</i>	Fasa1 – Fakulti Sastera & Sains Sosial Fasa2 – Dewan Perdana 1 & 3, KPS

BIL.	TARIKH	NAMA PROGRAM	TEMPAT
9.	20 Sep 2016	<i>Discover SERU 2016</i>	Persekitaran KPS
10.	19 Sep 2016	<i>Balanced Living in A Serene Campus (BLISS 2016)</i>	Persekitaran KPS
11.	3,4,10 – 11 Okt	Bengkel Pra-persediaan Latihan Industri (Kohort II)	<i>Telekom Malaysia Convention Centre (TMCC)</i> , Kuala Lumpur
12.	6 – 8 Nov	<i>E-lite Bootcamp</i>	<i>Akar Beach Resort</i> , Port Dickson, Negeri Sembilan
13.	13 – 15 Nov	<i>SERU Team Building 2015</i>	<i>Al-SakeenahEco Resort</i> , Janda Baik, Pahang
14.	28 & 29 Nov	Bengkel Pra-persediaan Latihan Industri (Kohort III)	<i>Institute of Graduate Studies (IPS)</i>
15.	6 Okt – 11 Dis	<i>Peer Mentoring : Lead 25 (Mastery I)</i>	Dewan Perdana 1, Bilik Seminar 1 & Dewan Perdana 4, KPS

Program University of Malaya Entrepreneurship Centre (UMEC)

Program Anjuran UMEC

BIL.	TARIKH	NAMA PROGRAM	TEMPAT
1.	1 Jun 2014 – 31 May 2015	<i>Ginza Street</i>	KPS, UM
2.	1 November 2014 – 31 Oktober 2015	<i>Student Mall 2014/2015</i>	Universiti Malaya
3.	1 November 2014 – 27 Februari 2015	<i>Kick Start a Business: Entrepreneurship Training Program</i>	Universiti Malaya
4.	1 Disember 2014 – 30 Februari 2015	<i>Effective Microorganism Project</i>	Sepang
5.	28 Februari 15	<i>Make Weekend Impact</i>	DP4, KPS
6.	Mac 2014 – Jun 2015	<i>Meet & Greet</i>	SJK(C) SAM YOKE
7.	14 Mac 2015	Program Keusahawanan Hot Burger	Gazebo, KPS
8.	1 Januari 2015	<i>UM-MTDC Symbiosis Program</i>	Universiti Malaya
9.	14 Mac – 1 Julai 2015	<i>SME-University Internship</i>	Universiti Malaya
10.	1 – 30 April 2015	<i>Enactus Attack</i>	University of Malaya Campus
11.	9 April 2015	<i>Introduction of Enactus Program</i>	DK2, FPP, University of Malaya
12.	26 April 2015	<i>Recycle Bicycle Campaign</i>	University of Malaya Campus
13.	9 – 10 Mei 2015	<i>Pray for Nepalese Campaign</i>	Auditorium, KPS
14.	9 Mei 2015	<i>Tube Well Project Visit 1.0</i>	Temerloh, Pahang
15.	9 – 10 Mei 2015	<i>2nd UM International Arba Rabbit Show & Symposium</i>	Universiti Malaya

BIL.	TARIKH	NAMA PROGRAM	TEMPAT
16.	1 Jun 15	<i>Roadshow MyAgrosis UM</i>	Akedemi Pengajian Islam
17.	3 Ogos – 4 Ogos 2015	<i>Enactus Malaysia National Cup (EMNC)</i>	Menara MATRADE, KL
18.	1 – 3 Oktober 15	Ekspo Keusahawanan Online Mahasiswa UM	Universiti Malaya
19.	3 Oktober 15	Kembara Produktiviti 2015	Sekitar Universiti Malaya
20.	10 – 31 Oktober 15	<i>BizNET Challenges</i>	Universiti Malaya
21.	25 November 2015	Majlis Anugerah BizNET Challenges 2015 & Penyerahan Proporsal Modul Transformasi Pendidikan Keusahawanan Internet KKLW 2016	Fakulti Alam Bina, Universiti Malaya
22.	19 – 21 Oktober 15	Minggu Promo UM 2015	Universiti Malaya
23.	14 November 15	Perintis Usahawan Bestari	Kolej Kediaman ke-4 Universiti Malaya
24.	28 November 2015	<i>Entrepreneurship Boot Camp : Peluang Perniagaan melalui Aplikasi Mobile</i>	Dewan Perdana 4, Universiti Malaya
25.	5 Disember 2015	<i>Hult Prize at University of Malaya</i>	Universiti Malaya
26.	19 November 2015	<i>ASEAN University Startup Conference & Showcase</i>	Pusat Konvensyen Kuala Lumpur
27.	5 Disember 2015	Perhimpunan MyAgrosis 2015	Dataran Merdeka, Kuala Lumpur
28.	10 - 13 Disember 2015	<i>Bottom Billion Entrepreneurship IPTA</i>	Pulau Pangkor, Perak
29.	18 - 20 Disember 2015	Eksplorasi Taman Agroteknologi, Cameron Highland	Cameron Highlands

Program Jemputan / Anjuran Agensi Luar

BIL.	TARIKH	NAMA PROGRAM	TEMPAT
1.	14 Jan – 4 Feb 15	<i>Business Processes Enterprise Training (BPET)</i>	Universiti Putra Malaysia
2.	20 – 21 Jan 15	<i>University Start Up Conference Malaysia 2015</i>	Pullman, Kuala Lumpur Bangsar Hotel
3.	15 – 16 Mac 15	<i>Corporate Directors Training Programme (CDTP) - Siri latihan Pengarah-pengarah Syarikat Mahasiswa</i>	Universiti Malaysia Kelantan
4.	26 Mac 2015	Forum Keusahawan Malaysia 2015 (FOKEM 2015)	Menara MATRADE, Kuala Lumpur
5.	27 – 29 Mac 2015	<i>Enactus Malaysia Team Leadership Training</i>	Dewan Zaaba, Kementerian Pelajaran Malaysia
6.	10-11 April 2015	Bengkel <i>Design Thinking</i>	MDeC, Cyberjaya
7.	-	Seminar Sehari Pendedahan Francais	Putrajaya
8.	-	Kursus Intensif Francais 2015	Ceringin Hills and Convention Resort, Janda Baik
9.	17 Mei 2015	<i>Pre - Enactus Malaysia Regional Team Training</i>	UNIKL, Bangi
10.	22 – 24 Mei 2015	<i>Agropreneur 4Youth sempena Festival Belia Putrajaya</i>	Putrajaya
11.	13 Jun 2015	Persidangan Francais Antarabangsa Malaysia (FIM2015)	PWTC

BIL.	TARIKH	NAMA PROGRAM	TEMPAT
12.	27 – 28 Jun 2015	Bengkel Bank Rakyat- <i>YIM Ideation Challenge!</i>	Menara Bank Rakyat, KL
13.	29 Jun – 13 Ogos 2015	Program <i>Massachusetts Institute Of Technology's Global StartUp Labs (MITGSL) 2015</i>	UKM, Bangi
14.	30 Julai – 5 Ogos 2015	Pidato Usahawan Inovasi Kebangsaan (PIK)	Resort Sunway Spa, Selangor
15.	19 Ogos 2015	BAHTERA: <i>Bumipreneurs for Tomorrow Conference</i>	Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)
16.	13 – 15 Ogos 2015	<i>Social Enterprise For Economic Development (SEED)</i>	Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
17.	27 Ogos 2015	<i>CEDAR Lets Talk: How To Grow Your Own Business</i>	Menara SME Bank, Kuala Lumpur
18.	3 – 5 September 2015	Festival Koperasi Siswa IPT (FESCOOP)	Hotel Crystal Crown, PJ
19.	5 September 2015	Majlis Perasmian Karnival Kerjaya dan Keusahawanan Graduan (K3G) 2015	Sunway Resort Hotel and Spa, Bundar Sunway
20.	22 September 2015	Simposium Usahawan Internet	Matrade Exhibition & Convention Centre (MECC)
21.	30 September 2015	Pembentangan <i>Franchise Business Challenge 2015</i>	Universiti Putra Malaysia (UPM)
22.	14 – 16 Oktober 2015	<i>Enactus World Cup 2015</i>	Johannesburg, Afrika Selatan
23.	3 November 2015	<i>SME-University Internship 2015 Championship</i>	Sunway Putra Hotel, Kuala Lumpur
24.	6 – 8 November 2015	<i>Start-up Weekend JB</i>	Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bharu
25.	7 November 2015	<i>Destination: GOOD - ASEAN Social Enterprise in Kuala Lumpur</i>	Nexus Bangsar South.
26.	15 November 2015	<i>Social Entrepreneurship Seminar 'SEHATI'</i>	Zebra Square, KL
27.	17 November 2015	Majlis Anugerah MFA (Francais Siswa)	Hotel Sunway, Petaling Jaya
28.	17 – 19 November 2015	<i>National Convention on Islamic Entrepreneurship (NCiE2015)</i>	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
29.	16 – 19 November 2015	<i>Entrepreneurship Masterclass series by TeAM</i>	Dewan 1, Prince Court Medical Center, KL
30.	20 – 22 November 2015	Pemeriksaan perniagaan Koperasi IPT	Shah Alam
31.	20 – 22 November 2015	<i>Youth Trailblazers Challenge</i>	UITM, Shah Alam

ALUMNI

Pejabat Pentadbiran Alumni

Pejabat Pentadbiran Alumni (PPA) berusaha untuk membina hubungan baik dengan semua alumni UM dan memantapkan pangkalan data alumni agar hubungan yang terjalin di antara alumni dan alma mater dapat dikekalkan.

Beberapa aktiviti alumni dianjurkan bagi memastikan hubungan yang dijalin terus berkekalan. Di antara aktiviti yang telah diadakan ialah perjumpaan PPA dengan wakil jawatankuasa *chapter* dan persatuan, majlis terbuka puasa alumni dengan anak yatim, forum santai petang bersama alumni dan majlis makan malam alumni. Pada tahun 2015, PPA turut melebarkan sayap komunikasi dengan alumni antarabangsa di Indonesia dengan mengadakan Majlis Pelancaran Chapter Alumni Universiti Malaya Indonesia di Jakarta. Harapan PPA agar alumni UM di Indonesia dapat menjalin kerjasama yang erat dalam perbagai bidang.

Komunikasi yang baik dan berterusan dilakukan dengan mewujudkan media sosial Facebook 'fanpage UM ALUMNI.' Sehingga kini rakan Facebook berjumlah 6,732. Portal

'UM ALUMNI' turut diperkenalkan yang dijadikan sebagai alat penyampai informasi berkaitan UM kepada alumni. Alumni boleh untuk menggunakan portal ini mengemaskini maklumat peribadi. Buletin Titian Alumni yang diterbitkan dua kali setahun yang memuatkan informasi dan ceritera berkaitan alumni. Buletin ini diedar kepada alumni yang berdaftar sahaja.

Maklumat alumni amat penting kepada pihak universiti. Pangkalan data alumni telah diwujudkan pada tahun 2007 oleh pihak Pusat Teknologi Maklumat (PTM). Sehingga tahun 2015, bilangan alumni dalam pangkalan data berjumlah 271,344. Pelbagai usaha dilakukan untuk mendapatkan dan mengumpul maklumat alumni daripada seluruh fakulti, akademi, pusat, kolej kediaman, badan-badan kerajaan & swasta serta melalui penganjuran aktiviti atau program. Promosi berkaitan alumni Universiti Malaya turut dibuat di dalam akhbar dan juga media sosial seperti facebook dan portal. Lawatan ke Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Johor Bharu dan Universiti Teknikal Malaysia (UTeM) Melaka bertujuan untuk menjadikan pentadbiran sistem *database* mereka sebagai salah satu 'benchmarking' selain berkongsi pengalaman dalam menguruskan hal berkaitan alumni dan sebagainya.

Laporan Aktiviti Penjalinan Hubungan bagi Pejabat Pentadbiran Alumni (PPA)

BIL.	TARIKH	NAMA PROGRAM	TEMPAT
1.	12 Januari 2015	Pertemuan Wakil Chapter & Wakil Persatuan Alumni	Bilik Mesyuarat Perdana 2, KPS,UM
2.	20, 21 & 22 Februari 2015	Pelancaran Chapter Alumni Universiti Malaya Indonesia	Millenium Hotel Sireh, Jakarta, Indonesia
3.	24 Februari - Mac 2015	Proses penghantaran majalah Titian Alumni kepada alumni yang berdaftar dan aktif dengan Unit Alumni.	Pejabat Pentadbiran Alumni
4.	07 Mac 2015	Bekerjasama dengan UMEC bagi menjayakan Program Symbiosis	Dewan Perdana 2, UM
5.	15 Mac 2015	Santai Petang bersama Alumni	Gazebo, KPS
6.	01 Julai 2015	Majlis Berbuka Puasa Alumni UM bersama Anak Yatim dari Rumah Amal Anak Yatim Ypin, Sungai Manggis, Banting	Dewan Seri Mutiara, Kolej Kediaman Kinabalu (KK8)
7.	07 - 09 & 13-15 Oktober 2015	Edaran cenderamata kepada graduan 2015	Aras 1, Bangunan Peperiksaan, UM
8.	17 - 22 Oktober 2015	Jualan cenderamata alumni sempena Festival Konvokesyen UM (FESKUM) 2015	Gerai No.4, Dewan Tunku Canselor, UM

BIL.	TARIKH	NAMA PROGRAM	TEMPAT
9.	4 - 6 Disember 2015	Kem Pelajar Cemerlang 2015 'Selangkah Ke Menara	Kompleks Rakan Muda, Klang & Kolej Kediaman Tuanku Kurshiah, UM
10.	12 Disember 2015	Majlis Makan Malam Alumni Kolej Kediaman Ke-9 (ALUM9)	Dewan Kolej Kediaman ke-9, UM
11.	30 & 31 Disember 2015	Lawatan Penanda Aras ke Pejabat Alumni UTeM Melaka & UTM Johor Bharu	UTeM, Melaka & UTM, Johor Bharu


KLINIK KESIHATAN PELAJAR

Mulai 1 April 2015, Klinik Kesihatan Pelajar (KKP) telah diletakkan semula di bawah pentadbiran Hal Ehwal Pelajar & Alumni. Perkhidmatan kepada pelajar meliputi perundingan, diagnosis dan rawatan, rujukan ke Pusat Perubatan Universiti Malaya, kawalan penyakit berjangkit, perkhidmatan kecemasan, farmasi, ambulan dan juga *medical cover*.

Pada tahun 2015, bagi melancarkan operasi KKP telah menerima pertambahan kakitangan iaitu dua orang Penolong Pegawai Perubatan dan seorang Pembantu Operasi. Bermula pada 29 Disember 2015 projek pembinaan pengubahsuaian klinik di Bangunan Siswarama telah dijalankan. Projek ini mengambil masa selama 12 minggu dan dijangka siap pada 21 Mac 2016. Projek ini menelan belanja sebanyak RM1.5 juta. Memandangkan KKP dijangka akan berpindah ke dalam kampus Universiti Malaya, KKP telah memohon pertambahan staf untuk jawatan Pegawai Perubatan, Pembantu Tadbir, Juruteknologi Makmal Perubatan dan Juruteknologi Makmal. Pada jangkakan kami akan terdapat pertambahan pesakit setelah berpindah ke dalam Kampus UM.

Statistik Bilangan Pesakit pada Tahun 2015

Berikut merupakan statistik bilangan pesakit yang mengunjungi Klinik Kesihatan Pelajar sepanjang tahun 2015:



Carta 1: Bilangan Pesakit tahun 2015



PEMBANGUNAN

- Laporan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
- Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan Harta Benda
- Pusat Teknologi Maklumat

LAPORAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PEMBANGUNAN)



Profesor Dr. Faisal Rafiq Mahamd Adikan

Bagi tahun 2015, selain daripada Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan Harta Benda (JPPHB) dan Pusat Teknologi Maklumat (PTM), pejabat Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) juga dipertanggungjawabkan untuk mentadbir urus Bahagian Perkhidmatan Pusat Sukan (bermula Mei 2015).

Tahun ini menyaksikan momentum pembinaan fasiliti multi-kegunaan *Cube* dan tandas diteruskan. Lebih menarik lagi, pejabat ini telah memulakan inisiatif memperkasa staf di pusat-pusat tanggungjawab (PTJ) melalui projek pembangunan RM50k di mana staf diberi mandat untuk mencadang, membincang, seterusnya membina fasiliti di PTJ masing-masing melalui suntikan modal dari pejabat TNCP. Usaha meningkatkan hubungan atau jaringan dengan masyarakat setempat khususnya telah dipergiatkan lagi menerusi projek-projek Rimba, *Water Warriors* (Tasek Varsiti) serta *Zero Waste Campaign*. Projek tenaga alternatif melalui penggunaan turbin mini-hydro dan photovoltaics di Ulu Gombak telah selesai di mana projek tersebut meraih Anugerah Cemerlang UM bagi kategori Inovasi 2015. Penggunaan bahan terbuang oleh JPPHB telah berjaya membina Pelantar Pokok Samali yang menjadi tumpuan warga dan pengunjug kampus.

PTM pula telah menambahbaik rangkaian ke UM dari 2Gbps kepada 5Gbps yang terlaju dalam kalangan semua universiti tempatan selain daripada menyiapkan projek WiFi di semua kolej kediaman. Proses transisi dari sistem kewangan SAGA kepada SAP serta penaiktarafan sistem pembidaan secara online e-procurement telah dilakukan. Laman web Universiti Malaya yang telah dikemaskini pula berjaya melonjakkan UM dari tempat keempat ke tempat pertama melalui piawaian *Webometrics*. PTM juga telah memulakan projek-projek terkehadapan *Big Data* dan *Internet-of-Things* (IoT) yang telah menjadi rujukan agensi Kerajaan lain. PTM, dengan kerjasama JPPHB, telah menghubungkan meter-meter pintar elektrik ke jaringan rangkaian supaya bacaan penggunaan boleh dilakukan secara *online* dan *real-time*. PTM juga, melalui kerjasama dengan pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) telah memperkenalkan *apps Bus Tracking* untuk kemudahan pelajar.

International House dan Apartmen Jepun di bawah kendalian Pejabat TNCP terus menjadi sumber penjana kewangan utama. Renovasi unit-unit lama yang dijalankan berjaya meningkatkan bilangan pelanggan termasuk penyewaan secara pukal oleh beberapa PTJ dan agensi luar, selain daripada mengurangkan kos terhadap Universiti sebagai alternatif kepada hotel lima bintang. Inisiatif penjana kewangan lain termasuklah penjualan ikan dan telur itik yang diternak staf JPPHB, dengan keutamaan diberi kepada staf berpendapatan rendah.

Pusat Sukan telah mulakan inisiatif penaiktarafan gym, dewan serbaguna, dan gelanggang-gelanggang gunasama termasuk gelanggang futsal bertaraf dunia. Pertandingan futsal peringkat kebangsaan yang julung-julung kali dianjurkan oleh UM – FUMO2015 – berjaya meningkatkan reputasi UM. Usaha membekalkan Stadium UM, atau lebih dikenali dengan nama UM Arena, dengan lampu limbah juga telah dimulakan dan bakal siap pada Mac 2016. Untuk kali pertama dalam sejarah pertandingan, dua pasukan bolasepak dari UM telah bertanding di peringkat akhir kejohanan MAKSWIP yang diadakan di Perlis.

JABATAN PEMBANGUNAN DAN PENYELENGGARAAN HARTA BENDA (JPPHB)

Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan Harta Benda (JPPHB) dibahagi kepada lapan (8) bahagian berikut:

- Bahagian Pentadbiran
- Bahagian Kejuruteraan Awam dan Pembangunan
- Bahagian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik
- Bahagian Kejuruteraan Mekanikal
- Bahagian Pengurusan Harta
- Bahagian Kontrak & Ukur Bahan
- Bahagian Perancangan & Seni Bina
- Bahagian Kewangan

Kesemua bahagian ini bersepadu dalam memastikan fungsi Jabatan terhadap pengurusan infrastruktur kampus lebih efisien dan berkesan. JPPHB merupakan salah sebuah jabatan yang mempunyai staf teramai di Universiti Malaya berjumlah 292 orang.

Bahagian Pentadbiran

Bahagian Pentadbiran menguruskan fungsi pentadbiran dan lain-lain fungsi yang bukan fungsi teknikal seperti urusan hal ehwal staf dan pentadbiran. Bahagian ini melantik tender-tender tahunan syarikat-syarikat pembersihan dan pencucian bangunan seluruh kampus Universiti serta masuk Bangunan Wisma R&D, Rumah Kediaman Universiti (RKU) dan Fakulti Perubatan Hospital Tuanku Ampuan Rahimah, Klang. Menyediakan perkhidmatan pembersihan dan pencucian bangunan di bangunan-bangunan Canseleri, Dewan Tunku Canselor, panggung Eksperimen dan Pusat Asasi Sains. Fungsi-fungsi lain Bahagian Pentadbiran ialah:-

- Menguruskan penyediaan Rumah Kediaman Universiti (RKU)
- Menguruskan tempahan kenderaan Universiti
- Pembersihan kawasan perkarangan dan longkang seluruh kampus
- Lanskap seperti penanaman pokok besar dan pokok renek & pembuangan sampah
- Penyediaan peralatan untuk majlis-majlis rasmi Universiti
- Nursery
- Pelupusan sisa terjadual

Pada tahun 2015, Bahagian Pentadbiran telah berjaya menguruskan penyediaan peralatan untuk majlis-majlis rasmi universiti sebanyak 409 tempahan. Jumlah tempahan ini telah menjana pendapatan berjumlah RM12,680.00. Majlis-majlis ini termasuklah Istiadat Konvokesyen, Minggu Haluansiswa, Majlis Profesor Negara dan lain-lain. Bahagian Pentadbiran juga menguruskan peralatan untuk majlis-majlis Konvokesyen IUMW, Konvokesyen UMCCED dan Konvokesyen MAHSA.

Menguruskan kerja-kerja pembasmian makhluk perosak di seluruh kampus seperti tikus, ular, monyet, anjing liar, anai-anai dan sebagainya, sebanyak 213 tangkapan di semua PTJ. Bahagian ini bertanggungjawab mengendalikan tempahan kenderaan sebanyak 557 untuk kegunaan rasmi dan pelawat universiti.

Rumah Pokok Samali

Sebuah rumah pokok telah dibuat atas sebatang pokok Kemenyan dalam bahasa saintifiknya "*Hymenaea courbaril*" yang terletak di padang Varsiti berhadapan Fakulti Kejuruteraan dan Tasik Universiti. Rumah pokok ini diperbuat daripada kayu-kayu terpakai yang dikutip daripada Rumah Kediaman Universiti (RKU) di Seksyen 12. Berkeluasan 18 kaki persegi dan ketinggian 18 kaki tinggi. Pembinaan rumah pokok ini mengambil masa selama sepuluh (10) hari oleh staf *Nursery*. Rumah pokok ini dinamakan Rumah Pokok Samali sempena mengambil nama staf *Nursery* pakar dalam tukang kayu iaitu Encik Mohd. Samali bin Saini. Pencetus idea kreatif rumah pokok ini diilhamkan oleh Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) sendiri dan dizahirkan oleh *Team Nursery*.

Rumah Pokok Samali ini memberi kemudahan kepada staf dan pelajar untuk berehat atau mengulangkaji pelajaran dengan cara yang berbeza dan boleh digunakan sebagai lokasi riadah sambil menikmati pemandangan sekitar.

Pelantar

Satu lagi ilham kreatif daripada *Team Nursery* ialah Pelantar yang diperbuat daripada kayu-kayu terpakai dengan ketinggian 4 kaki di atas permukaan air di Tasek Universiti. Pelantar ini disiapkan dalam tempoh tujuh (7) hari berkeluasan 16 kaki persegi. Pelantar ini adalah salah satu daya tarikan untuk warga kampus bersantai di tasik Varsiti.

Projek Menternak Ikan

Kolam ikan Mustafa dibina dikawasan paya dan idea dicetuskan oleh Encik Mustafa Abdul Rani, Pengawas *Nursery*. Dibina pada Januari 2015 dan berkeluasan seluas 120". Ia dijadikan tempat ternakan ikan keli, tilapia, lampam dan lain-lain jenis ikan. Kolam ini telah dapat menjana kewangan untuk Tabung JPPHB sebanyak tiga kali tangkapan dan telah menghasilkan sebanyak RM908. Kolam ikan ini juga mengekalkan eko-sistem semulajadi UM.

Projek Itik dan Angsa

Pelbagai aktiviti dilaksanakan untuk mencantikkan kampus termasuk dengan menternak itik dan angsa di kawasan Tasik Universiti. Di antara jenis itik yang diternak ialah itik Jawa, itik *Cheery Valley*, itik *Malard*, itik Mandarin dan *Carolina Work Duck* dan juga dua ekor angsa. Projek Penternakan itik telah menghasilkan 3,323 biji telur. Jualan telur telah menghasilkan pendapatan sebanyak RM1,654.70.

Lawatan

JPPHB telah menerima kunjung Bahagian Governan dan Pentadbiran, Jabatan Pendaftar UKM pada 4 November 2015. Kunjung tersebut bertujuan untuk berkongsi maklumat mengenai Rumah Kediaman Universiti (RKU) dan Dewan Peperiksaan.

Bahagian Pengurusan Harta

Bahagian Pengurusan Harta menguruskan penyewaan portfolio harta tanah serta *landbank* milik Universiti, mengurus dan menyelenggarakan data maklumat harta tanah, mewujudkan serta menguruskan inventori ruang dan aset milik Universiti serta bertanggungjawab menguruskan pelupusan aset/harta dan penggantian aset/harta lupus bagi keseluruhan kampus Universiti Malaya.

Untuk tujuan tersebut, Bahagian Pengurusan Harta telah di beri Peruntukan 'One-Off' sejumlah RM1,000,000.00 pada tahun 2015 dan sejumlah RM866,565.00 telah dibelanjakan.

Dari segi pengurusan pelupusan aset/harta Universiti Malaya, nilai harta Universiti yang telah dilupuskan pada tahun 2015 berjumlah RM22,139,360.52 dengan perincian seperti berikut:

BIL.	BUTIRAN	JUMLAH (RM)
1.	Pelupusan harta Universiti yang bernilai lebih daripada RM5,000.00 seunit.	18,600,098.52
2.	Pelupusan harta Universiti yang bernilai kurang daripada RM5,000.00 seunit.	3,539,262.00
JUMLAH		22,139,360.52

Manakala jualan aset /inventori lupus pada tahun 2015 adalah seperti berikut;

BIL.	BUTIRAN	JUMLAH (RM)
1.	Peralatan ICT (as where is basis)	20,930.55
2.	Lain-lain peralatan secara sisa besi	3,912.00
3.	Lain-lain peralatan secara sebutharga	850.00
4.	Kenderaan lupus secara sebutharga (staf)	41,800.00
JUMLAH		67,492.55

Bahagian Pengurusan Harta turut menjana pendapatan Universiti Malaya melalui penyewaan tapak/ruang kepada pihak dalam mahu pun pihak luar Universiti. Jumlah anggaran pendapatan yang dijana bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:

BIL.	BUTIRAN	PENYEWA TAPAK / RUANG	JUMLAH SEWA SETAHUN (RM)
1.	Telekomunikasi (Maxis, Celcom, Digi, U-Mobile , Packet One & YTL Communication Sdn Bhd)	1. Fakulti Perubatan 2. Fakulti Pergigian 3. Bangunan Pentadbiran 4. PALAPES UM 5. Kolej Kediaman Kinabalu 6. Bangunan IPS 7. Kampus Kota UM 8. Fakulti Perniagaan & Perakaunan 9. Kompleks Perdanasiswa 10. Kolej Kediaman Ungku Aziz 11. Perpustakaan Za'ba 12. Wisma R & D 13. Fakulti Kejuruteraan 14. Jabatan Bendahari	1,080,847.00
2.	Bank / Komersil/Bangunan	1. Bank Simpanan Nasional 2. Bank Islam Malaysia 3. Pejabat Pos 4. Bank CIMB 5. Kedai/ruang niaga 6. Kantin/Kafeteria 7. Kafeteria RU 8. Rumah Universiti (RU) 9. Bangunan UMSC 10. RAQ Resources 11. Tat Bakery 12. Bid Directs Sdn Bhd	1,937,056.00
3.	Mesin 'ATM'	1. Bank Kerjasama Rakyat 2. Bank Islam Malaysia	18,896.00

BIL.	BUTIRAN	PENYEWA TAPAK / RUANG	JUMLAH SEWA SETAHUN (RM)
4.	Papan Iklan	1. Mediaone Sdn Bhd 2. Warisan Outdoor Sdn Bhd	105,300.00
5.	Mesin Automatik	1. Permanis Sdn Bhd 2. Sanow Enterprise Sdn Bhd 3. Du It Vending 4. MFS ikhlas 5. IR Trading Sdn Bhd 6. K&M Vison	86,310.00
JUMLAH			3,228,409.00

Bahagian Kejuruteraan Awam Dan Pembangunan

Unit Kejuruteraan Awam

Unit Kejuruteraan Awam menyediakan sokongan infrastruktur dan kejuruteraan, sokongan alam sekitar, perumahan, penyelenggaraan aset dan kakitangan mahir untuk mereka bentuk kerja-kerja pengubahsuaian/peningkatan kemudahan, membina dan menyenggara kemudahan untuk Universiti Malaya dan memastikan semua infrastruktur utiliti berada dalam keadaan operasi yang baik dan selamat. Antara fungsi Kejuruteraan Awam adalah seperti berikut:

- Struktur utama bangunan dan struktur jalan
- Sistem bekalan air sejuk
- Sanitary/pembentukan dan sistem rawatan kumbahan
- Penyelenggaraan infrastruktur
- Perabot, kemasan dan kelengkapan
- Kerja-kerja pengubahsuaian

Penyelenggaraan yang diurus oleh Kejuruteraan Awam dibahagikan kepada tiga iaitu senggaraan pemuliharaan, senggaraan pencegahan dan senggaraan kecemasan. Senggaraan pemuliharaan dilakukan untuk membaiki kerosakan biasa yang terjadi supaya bangunan kembali kepada keadaan asalnya untuk memenuhi fungsi yang dikehendaki. Ia juga merangkumi senggaraan pencegahan iaitu bermaksud sesuatu senggaraan yang dibuat adalah mengikut perancangan, pemerhatian atau menggunakan kriteria yang ada bersesuaian dengan tujuan untuk

mengurangkan kemungkinan berlakunya kegagalan/kerosakan dalam sesuatu sistem. Senggaraan kecemasan bermaksud sesuatu senggaraan diluar jangkaan perlu dilaksanakan dengan segera bagi mengelak dan mengurangkan berlakunya risiko keselamatan nyawa dan harta benda, kerosakan terhadap kajian akademik staf, pembaziran, upacara rasmi (keraian) dan supaya keselesaan pelajar serta staf tidak terganggu.

Berikut adalah kerja-kerja penyelenggaraan dan projek yang dilakukan pada tahun 2015:

- Menaiktaraf rumah kediaman pengetua
- Projek *waterproofing* tandas asrama
- Menaiktaraf tandas asrama
- Projek menaiktaraf bumbung
- Projek *Rain Harvesting System*
- Kerja *waterproofing* bumbung

Pada keseluruhannya, usaha-usaha pemuliharaan kualiti fizikal sedikit sebanyak telah berjaya meningkatkan imej kampus dan menampakkan persekitaran yang lebih menceriakan.

Unit Pembangunan

Berdasarkan Laporan Bulanan Prestasi Perbelanjaan mengikut projek sehingga 31 Disember 2015, siling yang telah diluluskan bagi membiayai projek RMK-10 adalah sebanyak RM 334.47 Juta. Jumlah perbelanjaan RMK-10 sehingga tempoh tersebut adalah sebanyak RM 296.38 Juta bersamaan 88.6% dari keseluruhan peruntukan yang diberikan kepada Universiti Malaya.

Fungsi Unit Pembangunan:

- Merancang Projek
- Kajian Kesesuaian Projek
- Pengurusan Peruntukan dan Perancangan Kewangan Projek
- Pengurusan dan Pemantauan projek
- Pembangunan Infrastruktur dan Bangunan
- Penilaian semula projek (Outcome IPTA)

Untuk memastikan projek pembangunan di dalam Universiti Malaya dilaksanakan dalam keadaan yang terkawal dan dipantau dengan baik, status setiap projek akan dibentangkan kepada pihak pengurusan tertinggi Universiti secara berkala dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Pembangunan Universiti Malaya (JPPUM) dan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan (JTK).

Keseluruhan projek di bawah peruntukan RMK-10 (Sambungan RMK-9) telah pun siap dibina dan diduduki sepenuhnya pada 2012 di mana tahun 2013 adalah merupakan tempoh kecacatan bagi setiap projek tersebut. Kerja-kerja pembaikan dibuat secara berterusan oleh pihak Kontraktor sehingga tamat Tempoh Membaiki Kecacatan (*Defect Liability Period*). Projek-projek yang masih dalam fasa perancangan dan pembinaan sehingga Disember 2014 adalah merupakan projek-projek di bawah biayaan Kumpulan Wang Universiti dan dana-dana universiti dari PTJ-PTJ yang berkenaan.

Projek-projek yang Siap dan dalam Pembinaan

- Pembinaan Pencawang Elektrik 33kV/11kV Ke-2
- Menaiktaraf Sistem Bekalan Air - Fasa 2
- Bangunan Azman Hashim, Fakulti Perniagaan dan Perakaunan (Yayasan Azman Hashim – Fulcrum Capital Sdn Bhd)
- Bangunan Kompleks Inkubator Inovasi Universiti - I²U (JKR)
- Bangunan Pusat Teknologi Maklumat - PTM (UM Holding)
- Bangunan Bangunan Makmal Hub Penyelidikan Pascasiswazah, Fakulti Pendidikan (UM Holding)
- Bangunan Stesen Penyelidikan Marin Fasa 2, Bachok
- Pembinaan Makmal & Bengkel 1 Blok 7 Tingkat di Fakulti Kejuruteraan

Bahagian Kejuruteraan Mekanikal

Bahagian ini bertanggungjawab bagi menguruskan penyelenggaraan sistem perkhidmatan mekanikal di kesemua bangunan di Universiti Malaya dan penyelenggaraan kenderaan rasmi milik Universiti Malaya.

Penyelenggaraan Sistem Mekanikal

Di antara skop kerja penyelenggaraan sistem perkhidmatan mekanikal yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

1. Sistem penyaman udara:
 - Sistem penyaman udara jenis pusat seperti “*water cooled chiller*”, “*air cooled packaged*”, “*water cooled packaged*” dan sebagainya.
 - Sistem penyaman udara jenis berasingan (*split*) dan tingkap (*window*).
2. Sistem pencegah kebakaran:
 - Sistem pancur basah (*sprinkler system*)
 - Sistem pencegah kebakaran jenis gas *Pyroshield*
 - Sistem penggera kebakaran jenis konvensional, “*semi-addressable*” dan “*addressable*”.
 - Sistem bantu mula (*hose reel*)
 - Alat pemadam api mudah alih (*dry powder dan gas CO2*)
3. Sistem saluran pengudaraan.
4. Sistem lif untuk penumpang, perkhidmatan dan dumbwaiter.
5. Sistem gas petroleum cecair (LPG).
6. Sistem pam air pusat dan penapis kolam renang.
7. Sistem pam air kumbahan (tidak termasuk sistem perpaipan).
8. Sistem bilik sejuk untuk penyelidikan.

Penyelenggaraan sistem mekanikal dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu penyelenggaraan pemuliharaan (corrective maintenance) dan penyelenggaraan pencegahan. Penyelenggaraan pemuliharaan adalah membaiki atau mengganti komponen supaya dapat berfungsi mengikut standard yang ditetapkan. Penyelenggaraan pencegahan adalah untuk memeriksa, servis, membaiki atau mengganti komponen atau sumber fizikal secara teratur mengikut jadual yang ditetapkan. Langkah ini untuk mengurangkan risiko kerosakan sumber fizikal supaya dapat beroperasi dengan cekap secara berterusan. Kebanyakan sistem mekanikal mempunyai kontrak penyelenggaraan tahunan tersendiri.

Penyelenggaraan Kenderaan

Bahagian Kejuruteraan Mekanikal menyelenggara kenderaan rasmi UM yang merangkumi kereta, motosikal, van, pacuan empat roda, traktor dan lori untuk memastikan kenderaan sentiasa “road-worthy” dan selamat untuk digunakan.

Bilangan kenderaan yang perlu diselenggara berjumlah 112 buah terdiri daripada:

- 30 buah kenderaan berat yang terdiri daripada lori, pacuan empat roda dan juga traktor.
- 82 buah kenderaan ringan yang terdiri daripada kereta, van dan motorsikal

Di antara skop kerja bahagian ini ialah:

- Servis berkala.
- Pembaikan kerosakan (breakdown).
- Penukaran alat ganti.
- Khidmat nasihat kepada PTJ (baikpulih).
- Perolehan kenderaan baru.
- Semakan untuk pelupusan kenderaan.

Bahagian Kejuruteraan Elektrik Dan Elektronik

Bahagian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, (BKEE) menyediakan perkhidmatan dan memberi sokongan dalam bidang Kejuruteraan Elektrik, Elektronik, Sistem AV dan

Telekomunikasi kepada warga kampus dan orang awam.

Di antara objektif utamanya adalah:

- Memastikan bekalan elektrik di UM berterusan dan sentiasa stabil termasuk semua sistem pemasangan elektrik dalam keadaan efisien dan selamat digunakan.
- Memastikan sistem telekomunikasi di UM sentiasa dalam keadaan baik dan efisien.
- Memastikan perkhidmatan yang diberi menepati objektif jabatan.

Secara umumnya skop kerjanya terbahagi kepada 3 bahagian:

- Penyelenggaraan Sistem Pembahagian Elektrik - bermula dari Pencawang Utama (33KV) hingga ke litar akhir (240V) termasuk Sistem Janakuasa Tunggu Sedia.
- Penyelenggaraan Sistem Telekomunikasi - sistem PABX dan walkie-talkie
- Penyelenggaraan Sistem Pencegah Kilat di bangunan-bangunan universiti.

Sepanjang tahun 2015, untuk penyelenggaraan sistem pembahagian elektrik, pihak BKEE bertanggungjawab untuk kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan yang melibatkan perkakasan dan pemasangan elektrik termasuklah membaiki pulih kerosakan yang melibatkan pencawang-pencawang elektrik hingga ke litar akhir elektrik. Sistem perlindungan kilat yang rosak juga dibaiki dan dinaiktaraf di beberapa bangunan.

Begitu juga dengan kerja-kerja telekomunikasi seperti kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan PABX yang ada, pengaktifan PABX baru di beberapa bangunan baru, penambahan dan pendawaian kabel-kabel yang berkaitan akibat kerja-kerja renovasi & perpindahan pejabat.

Alat PABX yang digunakan masih menggunakan sistem analog dan menggunakan kabel tembaga sebagai media penghantaran. Pada pertengahan tahun 2015 alat ‘Group Switch’ PABX telah diganti kepada

jenis digital dan kabel gentian optik telah digunakan untuk menghubungkan semua alat PABX di PTJ. Semua alat PABX di PTJ akan dinaiktaraf kepada sistem digital sepenuhnya pada tahun 2016 dalam Rancangan Malaysia ke-11.

Pada tahun 2015 hanya sistem pencegah kilat di bangunan Pangsapuri Inderaloka (Rumah Kediaman Universiti) setinggi 12 tingkat dapat dinaiktaraf. Ini bagi memastikan keselamatan bangunan tersebut dan peralatan yang ada di dalamnya terjamin.

Menguruskan perkhidmatan merekabentuk, menyediakan tawaran (sebutharga/tender), penyediaan kontrak dan menyelia kerja-kerja elektrik dan telefon bagi kerja-kerja pengubahsuaian, renovasi dan projek pembangunan di kampus utama dan cawangan/luar kampus. Ini termasuk kerja-kerja kecil pembaikan dan pengubahsuaian pendawaian untuk peralatan elektrik dan telefon serta memantau dan mengesahkan kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor-kontraktor yang dilantik.

Bahagian ini juga terlibat dalam kerja-kerja penyelenggaraan, renovasi dan pembaikan untuk bangunan-bangunan baru yang telah siap digunakan sepanjang tahun 2015 seperti Bangunan Blok C (Fakulti Kejuruteraan), Bangunan Baru Pusat Teknologi Maklumat (PTM) dan pembinaan bilik-bilik *The Cube* di seluruh kampus. Penglibatan pembinaan bilik-bilik CUBE serta dalam merancang sistem bekalan dan pendawaian elektrik. Begitu juga dalam merekabentuk dan memasang sistem audio-visual.

Penglibatan dalam projek Pembinaan Pencawang Elektrik 33 / 11kV Ke-2 dan projek pembinaan Lampu Limpah di Stadium UM Arena, Universiti Malaya yang dijangka siap pada tahun 2016. Pembinaan pencawang elektrik tersebut dapat mengukuhkan sistem bekalan elektrik di UM. Lampu limpah di Stadium UM Arena dapat membantu khasnya warga kampus bergiat aktif dalam bidang sukan.

Penglibatan dalam projek-projek yang masih dalam pembinaan iaitu Bangunan Azman

Hashim (Fakulti Perniagaan & Perakaunan), Pusat Hub-Penyelidikan (Fakulti Pendidikan) dan Bangunan Inkubator UMCIC.

Pemasangan Power Quality Meter elektrik di beberapa PTJ telah siap dijalankan pada akhir tahun 2015 yang bertujuan memudahkan proses pemantauan dan membuat analisis penggunaan tenaga elektrik oleh pengguna yang mana data-data yang diperlukan boleh diperolehi secara online. Laporan dan bacaan awal serta analisis penggunaan tenaga elektrik dijangka akan diperolehi mulai Januari 2016.

Tahun 2015 menyaksikan BKEE terlibat dengan projek berkonsepkan teknologi hijau iaitu pemasangan Sistem Solar dan *Pico Hydro-Turbine*. Projek ini dijalankan untuk memberi kemudahan tenaga elektrik kepada warga kampus terutamanya staf, pelawat dan penyelidik ketika berada di Pusat Pengajian Luar (PPL), ISB, Ulu Gombak. Pemasangan panel sistem solar dan *hydro-turbine* ini juga adalah berkonsepkan teknologi hijau di mana tenaga elektrik adalah dijana dari cahaya matahari dan air sungai berhampiran yang mana ianya lebih bersih dan selamat.

Langkah-langkah penjimatan yang dilakukan seperti tahun 2014 diteruskan. Antaranya adalah pemasangan *motion sensor* untuk lampu tandas secara berperingkat di beberapa PTJ dan memasang lampu jenis cekap tenaga dari jenis T5 & LED, kerja-kerja penggantian lampu jalan sedia ada dari jenis SON-T kepada lampu jalan jenis LED untuk Fasa 1 dan 2 telah siap dipasang pada tahun 2014 dan 2015 yang mana ianya melibatkan sepanjang jalan Lingkungan Budi, Pintu Masuk Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Pemasangan untuk Fasa 3 akan diteruskan pada tahun 2016.

Projek *Geographical Information System* (GIS) telah bermula mulai tahun 2014 dan peringkat asasnya berjaya disiapkan pada pertengahan tahun 2015 untuk kampus utama UM. Bermula dengan penyediaan peta topo yang tepat mengikut skala dalam bentuk digital di mana semua maklumat kedudukan dan nama bangunan, tempat letak kereta, kawasan lapang, jalan raya, tiang lampu, pencawang dan sebagainya telah dimasukkan. Keluasan

dan jarak sesuatu kawasan dapat diukur terus dari peta GIS. Seterusnya maklumat detail mengenai sesuatu bangunan sedang dimasukkan oleh Bahagian Pengurusan Harta. Perancangan bagi tahun 2016 ialah membuat pemetaan untuk perkhidmatan seperti laluan, kabel elektrik, telefon dan komputer, laluan paip air, laluan saluran air kumbahan, *manhole* dan sebagainya. Sistem GIS ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua pihak untuk mendapatkan maklumat segera bagi tujuan penyelenggaraan, perancangan dan sebagainya.

Keja Penyelenggaraan Berkala Sistem Elektrik dan Telekomunikasi, bertanggungjawab

mengurus kerja-kerja kontrak penyelenggaraan berkala berdasarkan prosedur yang telah dikeluarkan oleh Suruhajaya Tenaga, Akta Bekalan Elektrik 1990 dan Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 dan lain-lain.

Implikasi Kewangan

Pada tahun 2015, Jabatan ini telah membelanjakan hampir RM 38 juta bagi kerja naik taraf serta penyelenggaraan bagi kerja-kerja sivil, mekanikal dan elektrik serta perkhidmatan pembersihan dan landskap. Butiran perbelanjaan adalah seperti berikut:

BIL.	BUTIRAN	PERBELANJAAN (RM)
1.	Bekalan Dan Bahan-Bahan (OCAR)	916,758.59
2.	Selenggara Bangunan	15,802,215.27
3.	Selenggara Kenderaan	898,277.94
4.	Selenggara Alat Kelengkapan Pejabat/Makmal / Mesin	1,347,798.76
5.	Selenggara IT	150,080.00
6.	Selenggara kecil	5,994,177.85
7.	Selenggara Kawasan/Tanaman	3,632,105.80
8.	Selenggara Peralatan Elektrik	6,775,813.40
9.	Selenggara bangunan Canggih/Hijau	1,282,763.14
10.	Ikhtisas dan lain-lain perbelanjaan	49,227.35
11.	Kenderaan	36,587.50
JUMLAH		37,165,805.60

Pada keseluruhannya, JPPHB telah berjaya mencapai objektifnya untuk menyediakan kemudahan asas yang mencukupi dan berkualiti sekaligus memberi perkhidmatan dan khidmat sokongan yang diperlukan. Usaha-usaha pemuliharaan kualiti fizikal telah berjaya meningkatkan imej kampus dan menampakkan persekitaran yang lebih menceriaikan.

PUSAT TEKNOLOGI MAKLUMAT (PTM)

PTM telah memberi keutamaan kepada aktiviti penaiktarafan beberapa perkhidmatan utama seperti infrastruktur rangkaian di sekitar kampus. Rangkaian di beberapa fakulti telah dinaiktaraf kepada kelajuan di antara 1-10 Gbps. Perkhidmatan wifi juga disediakan di lokasi-lokasi strategik di luar bangunan seperti di Tasik Varsiti, Perhentian Bas dan Rimba Ilmu bagi memberi manfaat kepada warga kampus, khususnya pelajar. Kapasiti talian Internet juga telah dinaiktaraf dari 3Gbps kepada 5 Gbps. Infrastruktur pelayan virtual telah diganti dengan perkakasan baru dan kapasiti sistem backup dinaiktaraf kepada 13 TB.

PTM masih membekalkan PC kepada PTJ di mana 85% bagi menggantikan komputer-komputer yang telah mencapai usia 7 tahun dan ke atas. Komputer-komputer yang telah usang kurang sesuai untuk melarikan aplikasi-aplikasi dan perisian-perisian terkini. Dengan penggantian ini, masalah ketidakstabilan dan kerosakan dapat diminimalkan seterusnya dapat meningkatkan produktivi.

Beberapa sistem aplikasi telah ditambahbaik, antaranya adalah Sistem *e-Procurement* yang kini mengautomasi sepenuhnya proses berkaitan perolehan serta berintegrasi dengan Sistem SAP telah dilaksanakan. Sistem Kemasukan Autonomi Ijazah Dasar telah diperkenalkan pada tahun lepas untuk membolehkan pelajar lepasan STPM/STAM, Matrikulasi atau Diploma/setaraf memohon masuk ke program Ijazah Dasar yang ditawarkan.

Hasil pembangunan infrastruktur Big Data, PTM telah berjaya mendapat pengiktirafan dengan memperoleh 2 anugerah eGOV dari pihak MAMPU. Infrastruktur Big Data yang dapat menampung keperluan storan data log peralatan ICT bagi tujuan aktiviti forensik keselamatan ICT dengan kapasiti data sebanyak 36TB. PTM juga mengurus Program Hedstart yang menawarkan MS Office kepada pelajar IPTA pada harga yang lebih rendah dari harga pasaran. Program di bawah Kontrak Pusat/MUSE (Managing Universities As An Enterprise) untuk menguruskan lesen Microsoft seperti Ms Office, Windows Operating Systems and Client Access Licences untuk semua IPTA, Politeknik dan Kolej Komuniti. Program ini bernilai RM1.5juta untuk 3 tahun (2014-2017).

Bagi membolehkan semua staf UM mempunyai sambungan ke internet, sebanyak hampir 1500 unit Access Switch digunakan di seluruh kampus. Sebagai permulaan, sebanyak 10 unit Outdoor Wireless telah dipasang di lokasi-lokasi terpilih dan menjadi tumpuan ramai. Antaranya:

1. Perhentian bas di belakang perpustakaan utama
2. Kawasan Gazebo IPS
3. Rimba Ilmu
4. Kawasan hadapan DTC
5. Tasik varsity
6. Rumah Pokok
7. Perhentian bas di depan Kolej Ke-12

UM telah menambah kapasiti talian internet daripada 3Gbps kepada 5Gbps Mulai 1 Julai 2015. Daripada jumlah ini, 3Gbps telah diperuntukan bagi talian wireless UM manakala bakinya untuk pengguna wayar supaya dapat

menikmati capaian yang lebih baik. Bagi virtualisasi komputer pelayan VMware melalui penggunaan bilangan komputer fizikal di Pusat Data dapat dikurangkan. Di PTM, 4 buah komputer fizikal VMware menjadi host kepada 150 buah pelayan virtual.

Sistem Kemasukan Autonomi Ijazah Dasar membolehkan pelajar lepasan STPM/STAM, Matrikulasi atau Diploma/setaraf memohon masuk ke program Ijazah Dasar yang ditawarkan oleh Universiti Malaya. Sistem ini mempunyai 2 modul iaitu utama:

1. Modul Pemohon: Permohonan kemasukan online
2. Modul Pentadbir: Pemprosesan permohonan kemasukan

Platform repository sumber terbuka dikenali sebagai ePrints telah dipasang di PTM. Sebanyak 110,000 buah penerbitan dari UMLExpert, eJournal dan UMLConference dimasukkan ke dalam ePrints. Pemantauan dilakukan secara berterusan untuk meningkatkan bilangan dokumen sedia ada sebanyak 2,800 artikel dalam Google Scholar. Selain itu, system e-Perolehan yang dilancarkan pada 15 April 2015 telah dinaiktaraf di mana semua fungsian Sistem ePerolehan dan diintegrasikan dengan Sistem Kewangan SAP. Sistem ini mengurangkan penggunaan kertas sebanyak 60% hingga 70%.

Pelbagai laporan dan carta daripada pelbagai sistem telah disediakan melalui integrasi pelbagai sistem seperti Spectrum, eProcurement, RMIS, UMLExpert, E-Journal, Helpdesk dan lain-lain lagi. Carta dan laporan ini boleh membantu pihak pengurusan untuk menganalisa data dalam membuat keputusan.

Komitmen terhadap keselamatan maklumat dipamerkan melalui pensijilan ISMS ISO/IEC 27001:2013 yang telah diproleh pada April 2015. PTM juga telah mengkomersilkan perkhidmatan rakaman video dan telah berjaya menjana pendapatan sekitar RM 200,000.00 iaitu peningkatan sebanyak lebih dua kali ganda berbanding tahun sebelumnya. Bangunan baru PTM yang telah mula dibina pada tahun 2014 dijangka siap sepenuhnya pada bulan Februari 2016.



PUSTAKAWAN

- Laporan Ketua Pustakawan

LAPORAN KETUA PUSTAKAWAN



Dr. Nor Edzan Haji Che Nasir

Penubuhan perpustakaan menyokong misi global Universiti Malaya untuk menyediakan kepakaran profesional, pelbagai sumber maklumat, dan perkhidmatan berasaskan pengetahuan untuk memajukan penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti. Ini disokong oleh visinya untuk menjadikannya sebuah perpustakaan bertaraf dunia selari dengan aspirasi Universiti Malaya untuk penarafan dunia.

Tahun 2015 menyaksikan persaraan Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, Dr. Janaki Sinnasamy. Pada penghujung 2015, Perpustakaan mempunyai seramai 49 orang kakitangan pustakawan profesional, 162 orang kakitangan sokongan dan seorang pegawai projek. Perpustakaan perlu mengkaji semula struktur organisasi selaras dengan perancangan Pelan Strategik 2016/2018.

Pembangunan koleksi Perpustakaan dijalankan dengan perolehan sumber maklumat dalam pelbagai bentuk berpandukan konsep mengoptimumkan sumber. Dengan peningkatan harga langganan pangkalan data elektronik, Perpustakaan melihat kembali kepada pulangan pelaburan. Bagi tujuan ini, Perpustakaan telah menghentikan langganan kepada beberapa pangkalan data dan terus memantau penggunaan pangkalan data yang lain. Perpustakaan juga giat membangunkan koleksi dengan mendapatkan sumbangan buku

dari organisasi dan orang persendirian di dalam dan luar negara. Dua penyumbang utama tahun ini adalah National Central Library, Republic of China (Taiwan), dan Federation of Literary and Art Circles of Guangxi Zhuang Autonomous Region dan Association of Guangxi Studies, Guangxi, People's Republic of China.

Bagi mengamalkan konsep *Library as Place*, Perpustakaan telah membangunkan *Collaborative Learning Area (CoLA)* yang reka bentuknya menggalakkan pembelajaran secara kolaboratif. Perpustakaan juga telah menaik taraf Perpustakaan Pengajian Melayu dan Perpustakaan Pengajian Islam. Dana telah diperuntukkan untuk membangun Perpustakaan Kejuruteraan serta menaik taraf Perpustakaan Perubatan T.J. Danaraj, Perpustakaan Peringatan Za'ba, Perpustakaan Pengajian Asia Timur dan Perpustakaan Pengajian India.

Muzium Seni Asia dan Galeri Seni Universiti Malaya di selia oleh Ketua Pustakawan. Pengurusan Muzium dan Galeri dilaksanakan oleh empat orang kurator profesional dan dibantu oleh tujuh orang kakitangan sokongan. Kedua-dua badan ini giat menjalankan pelbagai aktiviti untuk meningkatkan kesedaran khalayak umum terhadap peranan muzium dan galeri di institusi pengajian tinggi. Bagi Perpustakaan Universiti Malaya, Muzium Seni Asia dan Galeri Seni Universiti Malaya, 2015 merupakan tahun yang mencabar tetapi telah dapat dilalui dengan baik. Bagi 2016, usaha untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan dan prasarana akan diteruskan.

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

Perkhidmatan

Perpustakaan menawarkan pelbagai perkhidmatan yang boleh diakses dari laman sesawangnya (<http://www.umlib.um.edu.my>). Perpustakaan juga menjejak kesemua penerbitan ilmiah Universiti melalui pelbagai pangkalan data sitasi dan dimuat naik ke Universiti Malaya: Staff Portal untuk makluman dan rujukan kakitangan. Pembangunan dan pencapaian Perpustakaan pula didokumentasikan melalui Kekal Abadi: University of Malaya Library Bulletin yang boleh dicapai di laman sesawangnya.

Sebanyak 13 sesi latihan penggunaan pelbagai pangkalan data elektronik telah diadakan sepanjang 2015 bagi memperkenalkan pengguna kepada pangkalan data yang dilanggan. Dalam usaha untuk menyokong bidang kepustakawanan, Perpustakaan telah menerima dan melatih 12 orang pelajar sains maklumat dan perpustakaan dari Universiti Teknologi MARA (UiTM), dua orang pelajar dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan seorang pelajar dari UNISEL bagi program latihan industri. Perpustakaan juga telah menerima dan melatih tiga orang pelajar Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta, Indonesia bagi Prakteik Pengalaman Lapangan Pelajar

dari Ilmu Perpustakaan. Perpustakaan turut melatih seorang Pengurus Perpustakaan dari *Institute de Technologie du Cambodge*, Phnom Penh, Cambodia. Latihan dan bimbingan juga telah diberikan kepada seorang Pembantu Perpustakaan yang bertugas di Jabatan Geologi, Fakulti Sains, Universiti Malaya.

Penggunaan media sosial sebagai saluran komunikasi digunakan sepenuhnya oleh Perpustakaan. Buat masa kini Perpustakaan mengguna Facebook, Google+, Instagram, Twitter dan Youtube. Facebook Perpustakaan (The University of Malaya Library) mendapat 21,415 likes sementara Twitter Perpustakaan (@UMalayaLib) mempunyai 666 pengikut dan Instagram pula mempunyai 287 pengikut. Perpustakaan juga menyenggara blog (<http://umlibweb.wordpress.com>) dan pada penghujung 2015, sebanyak 72 *posts* telah dimuat naik dengan 50,742 *hits*.

Kesemua bahan yang terdapat di Perpustakaan boleh dikesan melalui Katalog Atas Talian (OPAC) yang dikenali sebagai Pendeta Discovery (<http://pendeta.um.edu.my/client/default>). Perpustakaan telah menggunakan EBSCO *Discovery Service* sebagai enjin pencarian setempat.

Pembangunan Koleksi

